



**PENGURUSAN PEMANTAUAN KERATAN AKHBAR MBSJ
TARIKH: 06 SEPTEMBER 2024 (JUMAAT)**

MEDIA CETAK (AKHBAR / MAJALAH)

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	THE STAR	<ul style="list-style-type: none"> 'SELANGOR NEEDS UPDATED UTILITY MAPS FOR ACCURACY', SAYS ASSEMBLYMAN

LAIN-LAIN PBT

BIL	AKHBAR	PBT	TAJUK
1.	THE STAR	MBDK	<ul style="list-style-type: none"> COMMUNITY FEEDBACK PART OF PARK UPGRADE
		MBPJ	<ul style="list-style-type: none"> MORE THAN 200 PJ FOLKS GET SUBSIDISED FLU JABS
		MPAJ	<ul style="list-style-type: none"> WOMAN RAISING FUNDS TO KEEP AMPANG CAT SHELTER FOR STRAYS OPEN
2.	SINAR HARIAN	MBSA	<ul style="list-style-type: none"> PERHILITAN ARAH TAMAN TASIK SEKSYEN 7 DITUTUP SEMENTARA WAKTU
3.	KOSMO	MBSA	<ul style="list-style-type: none"> AYAM SEGAR JERAT BUAYA SHAH ALAM
4.	HARIAN METRO	MBSA	<ul style="list-style-type: none"> KURANG 24 JAM BUAYA SESAT DITANGKAP

UMUM

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	THE STAR	<ul style="list-style-type: none"> RESIDENTS DEMAND URGENT ACTION AFTER KEPONG FLOOD
2.	SINAR HARIAN	<ul style="list-style-type: none"> HARGAI REZEKI KENAikan GAJI DOSA BERANTAI AKIBAT PERBUATAN RASUAH KAJI NASIB KAKITANGAN IMPAK REFORMASI PENTADBIRAN AWAM BANTU LINDUNGI MANGSA BULI PENGUBALAN AKTA KESELAMATAN DALAM TALIAN BUKAN SEKAT HAK SUARA RAKYAT PEJABAT AI KEBANGSAAN MULA OPERASI NOVEMBER INI KOS SARA HIDUP MENINGKAT, OKU MOHON ELAUN DINAikkan
3.	KOSMO	<ul style="list-style-type: none"> PPR TUKAR KEPADA PROGRAM RESIDENSI RAKYAT RMK13 GUNA PENDEKATAN RMK1 KUALA LUMPUR KEKAL SELAMAT – KPKT OPR KEKAL TIGA PERATUS DUA LAGI PENGUAT KUASA DIBERKAS PERKENAL AKTA BAHARU TANGANI JENAYAH SIBER
4.	HARIAN METRO	<ul style="list-style-type: none"> PENJENAMAAN SEMULA PPR KEPADA PRR 8 PERKARA JEJAS PATRIOTISME LINDUNGI KANAK-KANAK GUNA INTERNET PEJABAT AI KEBANGSAAN MULA OPERASI NOVEMBER BAIKI SEGERA BANGUNAN UZUR
5.	BERITA HARIAN	<ul style="list-style-type: none"> RMK13 IMBANGI KEPERLUAN SEMUA LAPISAN MASYARAKAT ROMBAK PENGURUSAN TERTINGGI BERI NAFAS BAHARU REFORMASI SEKTOR AWAM PENGGUNA JADI 'SUIS PEMATI' JIKA WUJUD ANCAMAN SIBER BNM KEKAL OPR 3 PERATUS HENTIKAN GANGGUAN SEKSUAL
6.	UTUSAN MALAYSIA	<ul style="list-style-type: none"> BNM KEKALKAN OPR 3.0 PERATUS, KALI KELAPAN BERTURUT-TURUT EKONOMI BUMIPUTERA PERLU LIBATKAN DEWAN-DEWAN PERNIAGAAN DILEMA HIJAU: MALAYSIA BOLEH, TAPI MAHUKAH?

BIL	AKHBAR	TAJUK
		<ul style="list-style-type: none"> • DASAR, SOP LAPUK BUKA RUANG SALAH GUNA KUASA, RASUAH – KSN • HAPUSKAN 'NAPOLEON KECIL' DI JABATAN KERAJAAN LANCAR PENTADBIRAN
7.	NEW STRAITS TIMES	<ul style="list-style-type: none"> • MYCC: 14 BID-RIGGING CARTELS BEING PROBED • LOCAL COUNCILS IN 3 STATES YET TO FORM INTEGRITY UNITS • WHAT MAKES GOOD LEADERS? • 'REVIEW OUTDATED POLICIES, REGULATIONS' • EMPLOYEES FEEL MORE PRODUCTIVE IN HYBRID WORK SETTING
8.	THE SUN	<ul style="list-style-type: none"> • CHALLENGING TO MAINTAIN WORKPLACE SAFETY: EXPERT

'Selangor needs updated utility maps for accuracy', says assemblyman

By LEW GUAN XI
lewguanxi@thestar.com.my

UPDATING underground utility maps in Selangor must be done to prevent accidents and ensure the safety of construction and repair works.

Seri Kembangan assemblyman Wong Siew Ki said the maps that were drawn decades ago might contain inaccuracies due to the technological limitations.

"Accurate mapping is important to ensure these utilities do not obstruct construction or repair work on the roads," she said at the launch of the Walkable City Serdang 2024 - 10k Step Challenge in Kampung Baru Seri Kembangan.

Wong said she would continue monitoring her constituency for any possibilities of sinkholes, following the incident in Kuala Lumpur where on Aug 23, an Indian national identified as G. Vijayalakshmi, 48, went missing after falling into an eight-metre-deep sinkhole in Masjid India.

"Seri Kembangan is currently safe from sinkholes. We will call on the authorities to investigate if there are holes that still persist after being resurfaced.

"Damaged underground pipes with overflowing water are often found underneath sinkholes. However, the exact cause could be more complicated," said Wong.

Following the sinkhole inci-

dent, *StarMetro* reported on Aug 29 that Subang Jaya City Council (MBSJ) announced plans to create a list of high-risk sinkhole areas.

Selangor Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari had also said the Selangor Utility Corridor (Kusel) had been coordinating and organising the underground utility mapping system since 2020 to identify what utilities were present beneath the roads.

On a separate matter, MBSJ councillor Tey Boon Kiat said there was still room to enhance the safety of pedestrians in Serdang.

"We need more feedback from the community. For now, we will work towards having more



Wong (right) says updating underground utility maps in Selangor must be done to prevent accidents. — LOW BOON TAT/The Star

pedestrian walkways to enhance convenience and accessibility.

"We also encourage residents to use alternative transportation

such as motorcycles and bicycles, or walking instead of driving to reduce traffic congestion," he added.

THE STAR

Tarikh: 06 SEP 2024

By EDWARD RAJENDRA
edward@thestar.com.my

KLANG'S beloved public park, Dataran Klang@Padang Chetty, is undergoing a significant upgrade.

Located in the heart of the royal city's Little India enclave, this green space is a popular gathering place for families and visitors alike.

Klang Royal City Council (MBDK) Corporate Communications Department director Norfiza Mahfiz said the park's improvements were based on community feedback.

She said MBDK had listened to the suggestions of residents and incorporated their ideas garnered via ad hoc public surveys into the redesign elements of the 1.34ha park.

"We identified constructive suggestions for the improvements that will encourage more people to visit the park," she said.

Dataran Klang@Padang Chetty is next to the iconic 150-year-old Sri Nagara Thendayuthapani Hindu temple managed by the Chettiar community.

Devotees often enjoy the park's peaceful atmosphere after their Friday evening prayers.

To support the park's transformation, Norfiza said the National Landscape Department had allocated RM500,000 for the project.

Construction was already underway, with workers seen on Monday putting up zinc barriers to cordon off the park and

Community feedback part of park upgrade

M BDK

b/a
shu

Dataran Klang@Padang Chetty to have new walkway, more open space

removing damaged decking, according to site supervisor Shahrul Nizal Abu Talib, 30.

According to Norfiza, the new design includes a wider, more accessible walkway made of Shanghai stone.

She said the existing maze of shrubs would be removed to create a more open space.

"We want to provide people with a comfortable and safe place to relax and enjoy the outdoors," she added.

Norfiza said Dataran Klang@Padang Chetty would remain closed until Nov 18 to accommodate the construction.

The park's jogging path will also be repaired, expected to take three months to complete.

Sri Nagara Thendayuthapani chairman Dr RM Govindan shared his support for the park's upgrade.

"This is a valuable community asset, and I am glad to see MBDK investing in its improvements. MBDK must also manage the park properly," he said.



Warped decking planks being removed at Dataran Klang@Padang Chetty that is undergoing repairs and upgrading work. — IZZRAFIQ ALIAS/The Star

THE STAR

06 SEP 2024

Tarikh:.....

By AIDA AHMAD
aidaahmad@thestar.com.my

SUBSIDISED influenza vaccines were provided for residents in Sections 11 and 12, Petaling Jaya in Selangor, under an initiative by Bukit Gasing assemblyman Rajiv Rishyakaran's office.

This collaboration between Rajiv's office, the Zone 11 Residents Representatives Council and Mudah Healthcare Malaysia saw vaccinations being administered one weekend at SMK Sultan Abdul Samad in Petaling Jaya.

Rajiv's political secretary Kusaaliny Mahendran said 206 residents registered for this year's programme, but a few dropped out at the last minute.

"There are two pricings, RM30 for seniors aged 65 and above, and RM45 for those aged 65 and below.

"This programme targets residents from Section 11 and Section 12.

"We hope that if we vaccinate more people in one area, there will be herd immunity.

"Since my zone comprises mostly senior citizens, it is important for them to be protected," said Kusaaliny, the local councillor for Zone 11.

"Younger people can recover faster from the flu but it takes longer for senior citizens."

She added that the programme started last year with 200 residents vaccinated.

More than 200 PJ folks get subsidised flu jabs ^{MBS}



A Petaling Jaya resident getting his subsidised flu shot. — ONG SOON HIN/The Star

Kusaaliny said Muda Healthcare provided the subsidised vaccine at RM45 while additional subsidies were from an allocation by Petaling Jaya City Council.

"The vaccine costs RM60 elsewhere. So, buying in bulk is cheaper.

"We have two doctors and three pharmacists present to screen for allergies and ensure that the vaccine is suitable,"

she added.

Section 12 Residents Association treasurer Samson Paul lauded Rajiv's office for the initiative.

Resident Helen Hon, 76, said the initiative was helpful.

"However, they started late this year. Last year's vaccination was held in May.

"The subsequent vaccination should be held within a year of the previous one," she said.

THE STAR
Tarikh: 06 SEP 2024

Woman raising funds to keep Ampang cat shelter for strays open



Story and photo by JOSHUA YAP
metro@thestar.com.my

SOME people's love for cats knows no bounds, such as Angie Kang, who takes care of 40 stray cats in a rented house next to her home in Pandan Perdana, Ampang.

Kang has been caring for these strays since October last year and uses her own money to buy food, pay for veterinary care and rent the house, which she named Meowi.

"I was going through depression and barely left the house, but my first cat changed everything.

"I saw how independent the cat was and how it cared for itself.

"It gave me the inspiration to pick myself up and commit to adopting stray cats," explained

Kang during a press conference organised by DAP Socialist Youth (Dapsy) public complaints bureau at her cat shelter.

She relies on sponsorship and holds events in collaboration with other parties to raise funds to support her cats.

Unfortunately, Kang's world came crashing down when she was hospitalised for almost five months due to various medical issues.

This caused her to lose her part-time job helping to make meat rolls for a nearby stall.

Kang is now behind in rent for the cat shelter and is also unable to pay the animals' medical bills.

Dapsy Public Complaints Bureau chief Lee Wen Bin as well as Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ) Zone 21 councillor

R. Moganraj have come to her aid.

Moganraj has arranged for Kang to set up a booth to raise funds at the Pandan Perdana morning market and Tasik Pandan Perdana recreational park from today until Sunday.

"We hope to raise RM25,000 to help Kang," said Moganraj.

She will be selling pet food, cakes and cookies at her booth.

"I really hope the public can visit. It would mean a lot to me and the cats," said Kang.

The booth will be open from 7.30am to 10am at Tasik Pandan Perdana recreational park and 7pm to 10pm at the Pandan Perdana morning market site for all three days.


For details, call Kang at 011-3333 2546.

(From left) Lee, Kang, Moganraj and MPAJ Zone 21 treasurer Shamele Aisha at Meowi, a cat shelter in Pandan Perdana.

THE STAR

Tarikh: 06 SEP 2024

Residents demand urgent action after Kepong flood c19 shw



By KAVITHA SIVAJI
and KENJI NG KEN LIN
metro@thestar.com.my

KEPONG residents are calling for urgent government intervention after the town recently suffered its most severe flood that caused widespread damage.

Community activist Yee Poh Ping blamed two retention ponds, which overflowed, and insufficient infrastructure for the disaster that affected residences and businesses across 10 areas.

He said the closure of sluice gates, intended to protect the town, had worsened the situation.

Yee said water from the retention ponds in Sri Segambut and Taman Wahyu contributed to the backflow into residential areas, such as Jalan Antoi, during heavy rain on Aug 22.

"There is a lot of sand and stone that have collected inside the ponds and this has reduced the capacity," he said.

"The current infrastructure is not capable of handling such extreme weather conditions.

The situation left many residents questioning the effectiveness of the current flood prevention measures.

Kepong Residents Association chairman Loh Kok Wai, 59, said

some shopowners, many of whom suffered losses exceeding RM20,000, were severely affected.

"Floods are a common issue here, and we cannot sustain losses every time this happens.

"We need a proper solution and some form of compensation to help us recover," said Loh.

A spokesperson from the Selangor Drainage and Irrigation Department (DID) said the closure of the sluice gates was a standard procedure designed to prevent flooding in the town.

"The gates were closed to prevent worse flooding, but the rain was too heavy," the

spokesperson said.

The high volume of rainfall in a short span overwhelmed the system and prevented water from being diverted back to the retention pond in Taman Wahyu, he explained.

He said there were short-term measures in place, including the excavation of the two retention ponds to restore their original capacity.

However, Yee emphasised the need for long-term solutions.

"We need to raise the flood walls to prevent overflow, and deepen the culverts. Otherwise, we are just waiting for the next disaster," he said.

Yee: Overflowing retention ponds contributed to the backflow of water.

THE STAR

Tarikh: 06 SEP 2024

Perhilitan arah Taman Tasik Seksyen 7 ditutup sementara waktu



Kakitangan Perhilitan membawa buaya tembaga yang berjaya ditangkap di Taman Tasik Seksyen 7, Shah Alam.

SHAH ALAM - Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) meminta Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) menutup sementara Taman Tasik Seksyen 7 pada waktu malam bagi tempoh sehari atau dua hari lagi.

Pengarah Perhilitan Selangor, Wan Mohd Adib Wan Mohd Yusoh berkata, permintaan itu bagi membolehkan pihaknya membuat pemantauan bagi memastikan tiada buaya lain di kawasan berkenaan.

"Penutupan ini susulan kejayaan menangkap buaya di taman tasik ini yang memasuki perangkap kira-kira jam 10.20 malam pada Rabu.

619 8.00 MBSA
"Buaya yang kita selamatkan ini adalah buaya tembaga jantan sepanjang 1.68 meter berusia sekitar tiga hingga lima tahun dengan anggaran berat 15 hingga 20 kilogram.

"Ini adalah operasi menyelamatkan buaya paling pantas kerana tidak sampai tempoh 24 jam perangkap dipasang, ia sudah memakan umpan yang kita letak," katanya ketika ditemui pemberita di lokasi kejadian.

Wan Mohd Adib berkata, tindakan MBSA menutup taman tasik pada waktu malam mendorong reptilia itu memasuki perangkap kerana suasana sunyi dan tiada gangguan.

SINAR HARIAN

Tarikh: ...0.6...SEP...2024.....

Hargai rezeki kenaikan gaji

219 SINAR

Zahirkan syukur selain tingkatkan sumbangan kepada masyarakat dan simpanan untuk masa depan



DR HASYIM AHMAD SHIYUTI
Pensyarah Pusat Tamhid,
Universiti Sains Islam Malaysia



ALIFAH HAMID
Pegawai Perkhidmatan
Pendidikan Pusat Tamhid,
Universiti Sains Islam Malaysia



PELARASAN gaji yang diumumkan oleh kerajaan baru-baru ini dilihat langkah yang tepat pada masanya.

Kerajaan baru-baru ini mengumumkan kenaikan gaji penjawat awam yang akan dilaksanakan dalam dua peringkat iaitu pada Disember 2024 dan Januari 2026.

Pengumuman itu telah mencetuskan pelbagai reaksi daripada masyarakat. Ada yang menyambut baik langkah tersebut sebagai usaha untuk meningkatkan taraf hidup penjawat awam, sementara ada yang memberi reaksi agak kurang baik dengan pelbagai tomanan.

Apa pun pandangan yang diutarakan, penting untuk kita memahami rasional di sebalik pelarasan gaji itu dan kesannya terhadap ekonomi serta masyarakat secara keseluruhan.

Gaji penjawat awam di Malaysia secara umumnya lebih rendah berbanding dengan sektor swasta terutamanya dalam bidang yang memerlukan kemahiran tinggi dan bidang kritikal.

Hal itu telah menjadi isu dibincangkan bertahun-tahun terutama dengan kenaikan kos sara hidup yang semakin membebankan.

Dalam konteks ini, pelarasan gaji yang diumumkan oleh kerajaan adalah langkah tepat pada masanya.

Bukan sahaja akan memberikan manfaat langsung kepada penjawat awam tetapi ia juga dijangka dapat memberi impak positif kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Peningkatan gaji akan meningkatkan kuasa beli penjawat awam, satu elemen penting dalam memacu pertumbuhan ekonomi.

Apabila mereka mempunyai lebih banyak wang untuk dibelanjakan, permintaan terhadap barangan dan perkhidmatan akan meningkat, sekali gus merangsang pertumbuhan ekonomi terutama dalam kalangan peniaga kecil serta sederhana di kawasan setempat.

Dengan peningkatan keseluruhan kuasa beli dianggarkan antara 16.8 hingga 42.7 peratus, ia bukan sahaja memperbaiki taraf hidup individu tetapi turut menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi lebih menyeluruh.

Namun begitu, di sebalik euforia (kegembiraan) peningkatan pendapatan itu, sebagai rakyat yang berpegang kepada prinsip Madani, kita harus merenung peranan kita dalam menyambut pengumuman tersebut.



KENAIKAN gaji boleh diterjemahkan dengan rasa syukur dan terima kasih yang turut menajatkan prestasi semakin baik.

Sedikit atau banyak tetap syukur

Dalam Islam, konsep bersyukur sangat ditekankan. Hadis daripada Nu'man bin Basyir menyatakan bahawa Nabi SAW bersabda: *"Sesiapa yang tidak bersyukur dengan sedikit, maka dia tidak akan bersyukur apabila banyak."*

Hadis tersebut mengingatkan kita bahawa seorang Muslim sejati harus sentiasa bersyukur tidak kira sebanyak mana nikmat diterima.

Ia bukan sahaja ditunjukkan melalui kata-kata, bahkan juga melalui tindakan.

Jika kita mampu bersyukur dengan sedikit, kita akan lebih mudah untuk bersyukur apabila menerima nikmat lebih besar.

Ia bukan sahaja memperkukuhkan hubungan kita dengan ALLAH tetapi juga hubungan sesama manusia.

Dalam konteks kenaikan gaji penjawat awam, sikap bersyukur boleh diterjemahkan melalui pengurusan kewangan yang bijak iaitu dengan membelanjakan secara berhemah, menyimpan untuk masa depan, melabur dengan berhati-hati dan menginfak sebahagian kecil ke jalan ALLAH melalui sedekah atau wakaf tunai.

Sikap berterima kasih

Selain itu, hadis yang sama turut menyebut: *"Sesiapa yang tidak berterima kasih kepada manusia, dia tidak akan berterima kasih kepada ALLAH."*

Ia menekankan betapa pentingnya kita untuk berterima kasih kepada pihak yang telah memberikan manfaat kepada kita termasuk kerajaan yang telah melaksanakan pelarasan gaji tersebut.

Walaupun kita sedar bahawa segala rezeki datangnya daripada ALLAH, kita juga diajar untuk menghargai usaha manusia yang menjadi perantara dalam rezeki tersebut.

Sikap berterima kasih itu tidak seharusnya terhenti pada ucapan semata-mata tetapi perlu ditunjukkan melalui tindakan yang mencerminkan kesedaran kita terhadap nikmat yang diterima.

Contohnya dengan kenaikan gaji, golongan penjawat awam boleh meningkatkan

sumbangan mereka kepada masyarakat sama ada melalui kerja-kerja amal, penglibatan dalam aktiviti komuniti atau dengan menyokong perniagaan tempatan.

Tingkat upaya simpan, labur

Di samping itu, pelarasan gaji juga memberi peluang kepada penjawat awam untuk meningkatkan keupayaan menyimpan dan melabur.

Dengan pendapatan yang lebih tinggi, mereka boleh merancang kewangan dengan lebih baik termasuk dalam aspek perancangan kewangan jangka panjang seperti pembelian aset seperti rumah, membuat tabungan pendidikan anak-anak atau tabungan persaraan.

Malahm dengan merancang kewangan, ia akan membantu mengurangkan beban kewangan pada masa hadapan dan memberikan mereka lebih ketenangan dalam menjalani kehidupan.

Akhirnya apa juga pandangan atau respons kita terhadap pengumuman tersebut, penting untuk kita ingat bahawa setiap langkah yang diambil oleh kerajaan adalah untuk kebaikan rakyat.

Dengan sikap dan tindakan yang positif, kita bukan sahaja dapat menikmati manfaat daripada pelarasan gaji ini, tetapi juga membantu memperkukuhkan ekonomi negara dan kesejahteraan masyarakat secara keseluruhan.

Kesimpulannya, pengumuman kenaikan gaji penjawat awam ini adalah satu langkah yang tepat dan relevan dalam konteks ekonomi semasa.

Ia bukan sahaja membawa manfaat kepada penjawat awam tetapi juga kepada peniaga-peniaga kecil dan masyarakat umum.

Sebagai rakyat yang bersyukur, kita perlu menyambut pengumuman tersebut dengan sikap positif dan memanfaatkan peluang itu untuk memperbaiki kehidupan serta menyumbang kepada kesejahteraan negara seterusnya meningkatkan lagi hubungan dengan Sang Pencipta melalui amal jariah.

Dosa berantai akibat perbuatan rasuah



ANALISIS
MUKA 16

MARZUKI YUSOFF

Buat julung kali, segmen mengenai rasuah dipersembahkan kepada khalayak melalui tarian 'cuci rasuah' dalam sambutan Hari Kebangsaan di Dataran Putrajaya pada Sabtu lalu.

Menggunakan peralatan pemBERSIHAN iaitu penyapu dan muzik rancak dialunkan bunyi dari tong-tong sampah, tarian cuci rasuah walaupun nampak remeh tapi mesejnya yang cuba disampaikan adalah kerajaan semakin serius untuk memerangi salah guna kuasa, penyelewengan dan jenayah rasuah.

Penggunaan objek penyapu dan tong sampah dalam tarian cuci rasuah memang amat wajar berdasarkan kesan buruk perbuatan rasuah terhadap rakyat dan negara. Beratus-ratus bilion ringgit dana negara yang sepatutnya digunakan untuk kebajikan rakyat jelata dan projek pembangunan lesap begitu saja di tangan perasuah.

Golongan kaki rasuah juga semakin menular ke lebih banyak agensi kerajaan sehingga ke jabatan agama dan pusat zakat. Ada yang melihat setiap projek yang bakal dirancang dan dilaksanakan atau pembelian peralatan dan jentera, ada 'bahagian rasuah' yang boleh dikongsi oleh ahli politik dan pegawai kerajaan yang korup.

Amat menyedihkan pada ketika banyak pembongkaran dan tangkapan dilakukan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), ia seperti tidak menakutkan

kakitangan sektor awam termasuk agensi-agensi penguat kuasa untuk terus terjebak dengan rasuah.

Malah apa yang membimbangkan, pihak sindiket sudah sampai ke tahap dapat merekrut kakitangan dalaman di sesebuah agensi penguat kuasa untuk memudahkan kegiatan jenayah mereka ditutup mata dan dilepaskan tanpa tindakan seperti penyeludupan yang berlaku di pelabuhan dan lapangan terbang.

Persoalan timbul kenapa terialu sukar untuk membendung gejala rasuah di agensi kerajaan. Kalau kita melangkah masuk ke pejabat kerajaan, ada terpampang peringatan agar kakitangannya jangan terjebak dengan rasuah. Banyak agensi kerajaan yang besar seperti kastam, imigresen, Polis Diraja Malaysia (PDRM), pihak berkuasa tempatan (PBT) ada disediakan unit agama.

Para ustaz perlu memberi mesej jelas bahawa dosa rasuah tidak dapat dipadamkan hanya melalui taubat. Kita harus ingat bahawa rasuah ada kaitan dengan 'dosa dengan manusia' dan dosa itu akan 'berantai' jika ia melibatkan terlalu banyak manusia yang rosak, mati atau musnah angkara rasuah yang dilakukan.

Antara contoh dosa berantai yang boleh berlaku adalah seperti berikut:

- Jika seorang pegawai kastam atau polis bersekongkol dengan penjenayah dengan melepaskan beratus kilogram dadah dan dadah yang terlepas ke pasaran pula telah merosakkan masa depan beratus ribu penagih. Dosa itu akan terus berangkai jika seseorang penagih dadah menjadi pembunuh termasuk ke atas ahli keluarga mereka yang banyak dilaporkan.

- Seseorang pegawai penguat kuasa menerima rasuah untuk melepaskan penyeludup senjata api dan senjata itu pula digunakan oleh pen-

“

Malah apa yang membimbangkan, pihak sindiket sudah sampai ke tahap dapat merekrut kakitangan dalaman di sesebuah agensi penguat kuasa untuk memudahkan kegiatan jenayah mereka ditutup mata dan dilepaskan tanpa tindakan seperti penyeludupan yang berlaku di pelabuhan dan lapangan terbang.”

jenayah untuk membunuh atau merompak, bayangkan dosa berangkai yang bakal dikongsi oleh perasuah.

- Pegawai kerajaan yang makan rasuah bersekongkol memilih sesebuah syarikat yang ada kepentingan dengan mereka untuk projek membina jambatan atau bangunan dan apabila siap, jambatan serta bangunan berkenaan tidak bertahan lama dan runtuh sehingga menyorbankan banyak nyawa manusia. Adakah pegawai yang memberi projek itu sanggup menanggung dosa berantai?

Para perasuah perlu ingat bahawa rumah dan kenderaan yang dibeli hasil daripada wang haram rasuah tiada keberkatan walaupun kita sudah bertaubat. Adakah rumah dan kenderaan hasil rasuah akan runtuh dicuci bersih setelah seseorang itu dijatuhkan hukuman atau bertaubat.

Sanggupkah mereka membiarkan harta benda hasil wang haram rasuah terus dihuni oleh anak-anak setelah mereka meninggal dunia?

*Marzuki Yusoff ialah Penyunting Sinar Harian

SINAR HARIAN
Tarikh:06 SEP 2024.....

Kaji nasib kakitangan impak reformasi pentadbiran awam

SHAH ALAM - Kerajaan perlu melaksanakan kajian reformasi pentadbiran awam secara menyeluruh termasuk mempertimbangkan nasib pekerja-pekerja yang bakal terjejas daripada inisiatif rasionalisasi badan berkanun kelak.

Bekas Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), Datuk Azih Muda berkata, susulan pengumuman kerajaan menubuhkan Sekretariat Kajian Rasionalisasi Badan Berkanun Persekutuan bagi menangani isu pertindihan fungsi agensi kerajaan, impak inisiatif ini sudah pasti akan memberi kesan besar kepada sebahagian kakitangan syarikat yang digabung, ditutup atau dikecilkan kelak.

Berikutan itu, beliau berharap kerajaan dapat memberi jaminan agar kebajikan pekerja awam yang bakal terkesan akan terus terpelihara memandangkan kelompok ini berdepan

kesukaran bersaing dengan graduan baru mendapatkan pekerjaan baharu.

"Kerajaan Perpaduan perlu belajar daripada pengalaman kerajaan Pakatan Harapan (PH) yang bertindak menamatkan perkhidmatan lebih 3,000 kakitangan kontrak sektor awam selepas Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14).

"Kesan kehilangan pekerjaan menyebabkan kelompok bekas kakitangan awam ini berdepan masalah kewangan dan kesukaran hidup yang meruncing sehingga ada dalam kalangan mereka terjerat dengan pinjaman along, isu depresi serta ke-runtuhan rumah tangga.

"Dengan kebanyakan kakitangan awam sudah berusia, mereka juga sukar bersaing dengan graduan muda dalam pasaran pekerjaan swasta," katanya.

Berikutan itu, Azih yang kini Presiden Persatuan Pesara Malaysia turut menyarankan kerajaan mempertimbangkan pemberian latihan *reskilling* dan *upskilling*, kursus pendedahan bidang teknologi ter-



AZIH

HISOMMUDIN

kini dan penawaran program *Malaysia Short-Term Employment Programme (MySTEP)* kepada pekerja-pekerja awam yang bakal terkesan dan berpotensi di-berhentikan kelak.

Sementara itu, Pengarah Eksekutif Ilham Centre, Hisommudin Bakar mencadangkan Kementerian Sumber Manusia (Kesuma) mendapatkan kemas kini data pekerja awam yang bakal terkesan daripada proses reformasi pentadbiran awam,

lalu memberi peluang kedua kepada mereka melalui proses rekomendasi kepada syarikat-syarikat korporat ber-sesuaian.

Ujarnya, selain proses rekomendasi, kerajaan juga harus meneliti semula keperluan pemerkasaan peranan MyStep agar kelompok bekas pekerja awam terkesan diberi keutamaan menyertai program berkenaan, hanya setelah melalui kursus *upskilling* dan *reskilling* ditetapkan.

"Usaha mengkaji semua peranan agensi-agensi kerajaan dan badan ber-kanun sangat baik kerana kebanyakannya kini bergerak secara silo dan tidak memberi sumbangan produktif kepada negara meskipun dibekalkan dengan peruntukan besar.

"Bagaimanapun saya bersetuju kerajaan perlu imbangi keperluan mengurangkan beban fiskal negara dengan aspek kebajikan pekerja awam yang bakal terkesan kelak," katanya.

SINAR HARIAN
Tarikh: 06 SEP 2024

Bantu lindungi mangsa buli

6/9 sinar

RUU Keselamatan Dalam Talian 2024 turut meliputi jenayah siber

Oleh RAIHAM MOHD SANUSI
KUALA LUMPUR

Rang Undang-undang (RUU) Keselamatan Dalam Talian yang dijangka dibentangkan di Parlimen pada Oktober ini bukan sahaja meliputi kes buli siber dan penipuan, malah mengambil kira jenayah siber yang mungkin berlaku pada masa hadapan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, akta baharu itu akan bersifat menyeluruh.

Katanya, ia akan digubal demi kepentingan seluruh lapisan rakyat Malaysia terutama kanak-kanak yang menggunakan internet sebagai alat dan

medium komunikasi.

"Dalam hal ini kita sangat prihatin terhadap mangsa buli, penipuan dan tentu akta ini akan melihat beberapa aspek dari segi jenayah yang mungkin tidak berlaku sekarang tetapi kita unjurkan mungkin akan berlaku dalam dekad-dekad akan datang.

"Jabatan Peguam Negara akan merangka draf RUU berkenaan untuk dibawa ke Kabinet bagi mendapatkan kelulusan sebelum dibentangkan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melancarkan Persidangan Perundangan Antarabangsa Berkenaan Ancaman Dalam Talian 2024 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur di sini pada Khamis.

Hadir sama, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said dan Duta Sepanyol ke Malaysia, Jose Luis Pardo.

Kes buli siber sebelum ini turut menggemparkan negara apabila pengengaruh, A Rajeswary



Ahmad Zahid (tengah) diiringi Azalina (dua dari kiri) menyempurnakan simbolik perasmian Persidangan Perundangan Antarabangsa Berkenaan Ancaman Dalam Talian 2024 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur pada Khamis.

atau turut dikenali sebagai Esha ditemukan meninggal dunia di sebuah unit kondominium di Setapak pada 5 Julai lalu.

Kes kematian tersebut berlaku sehari selepas mangsa membuat laporan polis berhubung buli siber dihadapinya.

Pengerusi Majlis Sosial Negara itu terdahulu dalam ucapannya berkata, kewujudan majlis tersebut juga untuk

mempertingkatkan usaha memerangi ancaman penipuan dalam talian yang semakin berleluasa apabila orang ramai menghabiskan lebih banyak masa dalam ruang digital.

"Usaha-usaha ini adalah sebahagian daripada komitmen yang lebih luas untuk memastikan manfaat daripada teknologi digunakan secara bertanggungjawab dan per-

kembangan sosial negara kita kekal kukuh dan berdaya tahan dalam menghadapi cabaran baharu ini," ujarnya.

Menyentuh mengenai kematian tragis Esha, kata beliau, generasi muda terdedah terhadap risiko yang tidak pernah dihadapi oleh generasi terdahulu seperti buli siber, pendedahan kepada kandungan tidak sesuai dan pemangsa dalam talian.

SINAR HARIAN
Tarikh: 06 SEP 2024

Penggubalan Akta Keselamatan Dalam Talian bukan sekat hak suara rakyat

6/9 SINAR
KUALA LUMPUR – Penggubalan Akta Keselamatan Dalam Talian bukanlah satu usaha untuk meniadakan demokrasi dan menyekat hak bersuara rakyat.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said berkata, penggubalan rang undang-undang (RUU) untuk mewujudkan akta baharu berkenaan akan diseimbangkan dengan hak bersuara rakyat.

"Kita tak boleh cakap ini meniadakan demokrasi dan kerajaan akan turunkan semua maklumat (yang salah dalam talian termasuk media sosial). Dalam salah satu pembentangan Persidangan Antarabangsa Berkenaan Dengan Ancaman Dalam Talian 2024 tadi (Khamis), seorang pakar (siber) ada kata kerajaan tidak (mampu) turunkan (semua) maklumat.

"Sebab kalau nak turunkan pun, nak turunkan dekat (platform) mana? Misalnya kalau turunkan di (platform) A, ia naik di (platform) B. Turun di B, ia naik kat C. Jadi bagaimana nak kawal 30 juta pengguna ini, itu masalahnya," katanya.

Azalina sebelum ini dilaporkan berkata, RUU Keselamatan Dalam Talian itu akan dibentangkan di Parlimen pada Oktober ini.

Kata beliau, pelaksanaan dan penguatkuasaannya berada di bawah Kementerian Komunikasi menerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM).

Mengulas lanjut, Azalina menjelaskan, pelaksanaan akta berkenaan nanti akan turut memperkasakan pengguna.

"Akta ini dibina supaya pengguna mempunyai apa yang disebut sebagai *kill switch*. Contohnya perkara dibentang tadi yang berkaitan pengguna adalah masalah bila kanak-kanak guna media sosial. Kalau kerajaan nak bentangkan had umur (pengguna media sosial), cabarannya pengguna mungkin boleh tipu umur.

"Jadi sekarang macam mana nak kawal? Jadi untuk kawal kena datang daripada (kesedaran) pengguna itu sendiri," tambahnya.

Jelasnya, secara asasnya untuk pelaksanaan undang-undang baharu terbabit juga semua penyedia platform dan aplikasi perlu mendaftar kerana kerajaan memerlukan maklumat mengenai penyedia perkhidmatan tersebut.

Oleh itu katanya, penyedia platform dan aplikasi juga perlu berkongsi maklumat mengenai risiko supaya kerajaan boleh bersedia dengan tindakan yang positif.

SINAR HARIAN

Tarikh:06 SEP 2024.....

Pejabat AI Kebangsaan mula operasi November ini

6/9 2024

KUALA LUMPUR - Pejabat Kecerdasan Buatan (AI) Kebangsaan di bawah seliaan MyDigital Corporation akan mula beroperasi November ini, kata Menteri Digital, Gobind Singh Deo.

"Semasa mesyuarat Kabinet dua minggu lalu, kita telah meluluskan cadangan untuk menubuhkan Pejabat AI Kebangsaan ini.



GOBIND

"Pejabat ini akan beroperasi pada November nanti," katanya kepada pemberita selepas majlis perasmian pejabat baharu SAS Institute Sdn Bhd di Menara IQ di Tun Razak Exchange, di sini pada Khamis.

Menurutnya, salah satu fokus utama Pejabat AI Kebangsaan adalah untuk merangka ekosistem yang memastikan Malaysia boleh menjadi

hab AI di rantau ini.

"Ini termasuk menarik pelabur dari seluruh dunia untuk melihat Malaysia sebagai destinasi utama dalam pusat data dan ekosistem berkaitan.

"Kita melihat kepentingan teknologi baharu dan keperluan untuk mempersiapkan negara kita. Dengan penubuhan pejabat ini, Malaysia telah mengambil langkah untuk menjadi peneraju dalam bidang ini di peringkat global," ujarnya. - *Bernama*

SINAR HARIAN
Tarikh: ... 06 SEP 2024

Kos sara hidup meningkat, OKU mohon elaun dinaikkan

SiA SiA
SHAH ALAM - Kerajaan diminta menaikkan elaun bulanan golongan orang kurang upaya (OKU) susulan peningkatan kos sara hidup ketika ini.

Bekas Ahli Parlimen Belia Kedah, Muhammad Haiqal Hazani Abdullah berkata, peningkatan kos sara hidup ibarat 'sudah jatuh ditimpa tangga' bagi sebilangan OKU.



MUHAMMAD HAIQAL

"Saya mohon elaun OKU individu bekerja dinaikkan daripada RM450 kepada RM550 dan golongan tidak bekerja sebanyak RM300 menjadi RM400 sebulan, seiring peningkatan harga barangan yang menghimpit kehidupan.

"Selain itu, kerajaan dan pihak yang terlibat juga perlu menilai semula syarat untuk permohonan elaun OKU daripada berpendapatan RM1,500 kepada RM1,800 atau RM2,000," katanya kepada *Sinar Harian* pada Khamis.

Muhammad Haiqal berkata, baru-baru ini Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan berita gembira buat penjawat awam yang menikmati kenaikan gaji sebanyak 15 peratus.

Ujar beliau, selaras dengan kenaikan tersebut, elaun golongan OKU juga wajar dinaikkan.

"Kali terakhir elaun golongan kami dinaikkan RM50 ialah ketika pentadbiran Perdana Menteri Malaysia ke-6 iaitu Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak pada 2009 hingga 2018.

"Saya amat berharap kerajaan mempertimbangkan usul saya ini. Bantulah kami dan ringankan beban ditanggung," katanya yang merupakan OKU malaf cacat penglihatan.

SINAR HARIAN

Tarikh: ...06 SEP 2024'

Masuk perangkap Perhilitan dalam tempoh kurang 24 jam diburu *C/A Kosmo MBSA*

Ayam segar jerat buaya Shah Alam

Oleh ISKANDAR SHAH MOHAMED

SHAH ALAM - Umpan ayam segar yang dipasang Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) di Taman Tasik Seksyen 7 di sini, selama 12 jam berjaya menjerat seekor buaya tembaga yang diburu sejak Isnin lalu.

Buaya jantan sepanjang 1.68 meter dengan anggaran berat 15 hingga 20 kilogram (kg) itu telah memasuki perangkap terapung, kira-kira pukul 10.20 kelmarin.

Pengarah Perhilitan Selangor, Wan Mohd. Adib Wan Mohd. Yusoh berkata, pihaknya menyedari perkara itu selepas melihat dua daripada tiga umpan ayam di dalam perangkap sudah tiada.

Menurutnya, sepasukan 20 pegawai dan anggotanya kemudian menjalankan pemeriksaan rapi dan selesai membawa naik buaya itu, kira-kira pukul 12.05 tengah malam semalam.



SEEKOR buaya tembaga yang berjaya ditangkap di Taman Tasik Seksyen 7, Shah Alam malam kelmarin.

"Operasi Buaya Shah Alam ini berjalan lancar biarpun memakan masa berikutan reptilia itu cuba bertindak agresif ketika berada dalam perangkap berkenaan.

"Faktor utama kejayaan itu susulan kajian perilaku dan per-

gerakan buaya berkenaan selain tindakan penutupan kawasan taman pada waktu malam bagi mengurangkan gangguan serta ancaman," katanya ketika ditemui di lokasi itu.

Menurut Wan Mohd. Adib,



KERATAN Kosmo! kelmarin.

operasi menyelamatkan buaya itu disifatkan paling singkat dilakukan pihaknya setakat ini iaitu dalam tempoh kurang 24 jam.

Tambahnya, buaya itu akan dipindahkan ke Paya Indah Wetlands, Dengkil bagi pemeriksaan lanjut bagi memastikan ia tidak membawa sebarang penyakit.

Ditanya mengenai punca kehadiran buaya itu, beliau berkata, pihaknya masih menyiasat dan tidak menolak kemungkinan

sama ada ia sesat atau dibuang oleh pihak tertentu.

"Tasik ini mempunyai beberapa laluan saliran yang mungkin dimasuki buaya itu ketika hujan lebat atau banjir kilat.

"Selain itu, ia juga mungkin dibuang ke dalam oleh pihak tertentu. Namun, perkara itu masih dalam siasatan," katanya.

Tinjauan Kosmo! pula mendapati, pasukan Perhilitan dengan kerjasama Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dan polis mengawal ketat kawasan itu bagi mengelak kejadian tidak diingini berlaku kepada orang awam yang turut menyaksikan penemuan buaya tersebut.

Terdahulu, Kosmo! melaporkan buaya itu telah berada di tasik berkenaan sejak 18 Ogos lalu hasil keterangan daripada individu yang merekod video kehadiran reptilia itu sebelum disahkan Perhilitan Selangor hasil pemantauan mereka.

KOSMO

06 SEP 2024

PPR tukar kepada Program Residensi Rakyat

JOHOR BAHRU – Kerajaan telah meluluskan model baharu perumahan awam yang dinamakan Program Residensi Rakyat (PRR) bagi menggantikan Projek Perumahan Rakyat (PPR), bermula tahun depan.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Nga Kor Ming berkata, PRR akan mula dilaksanakan di Larkin, di sini sebelum diperluaskan ke negeri-negeri lain seluruh negara.

Menurut beliau, rangka perumahan awam PRR itu dihasilkan setelah mengkaji model perumahan awam di negara maju seperti Singapura, Australia dan juga Korea Selatan.

"KPKT mendokong hasrat Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk membina sehingga 500,000 unit kediaman perumahan awam.

"Sehubungan itu, Jemaah Menteri telah meluluskan penjenamaan semula PPR dinaik



PPR baharu yang dibina kerajaan nanti bakal mengikut model perumahan awam di Singapura, Australia dan Korea Selatan. – GAMBAR HIASAN

taraf menjadi PRR di mana pelbagai langkah penambahbaikan, ciri lebih mesra alam, kondusif, berdaya huni dan lebih bersepadu akan diperkenalkan di bawah konsep baharu ini," katanya pada sidang akhbar selepas

menyempurnakan Majlis Penyerahan Kunci dan Pelancaran Bomba Komuniti Residensi Pelangi Indah, di sini semalam.

Turut hadir, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Datuk Nor

Hisham Mohammad.

Sebelum ini, Kor Ming memaklumkan saiz minimum bagi PRR ialah 750 kaki persegi dengan tiga bilik tidur dan dua bilik mandi.

Sementara itu, beliau turut memberitahu, KPKT telah memperuntukkan hampir RM1 bilion bagi projek perumahan awam melibatkan kediaman PPR, Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) dan juga Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) di seluruh negara, tahun ini.

"Di Johor, KPKT telah membina sehingga 26,662 unit kediaman perumahan awam sehingga 31 Julai lalu menerusi beberapa agensi pelaksana di bawahnya," jelasnya.

Terdahulu, dalam program tersebut, Kor Ming sempat menyempurnakan program simbolik penyerahan kunci kepada pemilik Residensi Pelangi Indah melibatkan 720 buah unit kediaman.

KOSMO

arikh: 06 SEP 2024



RAFIZI (tengah) bergambar bersama para peserta selepas Persidangan Permulaan RMK13 di Movenpick Hotel & Convention Centre KLIA, Sepang semalam.

Perancangan ekonomi negara tetap ambil kira cabaran ekonomi semasa

RMK13 guna pendekatan RMK1

6/1 kosmo

Oleh MOHD. HUSNI MOHD. NOOR

SEPANG - Kerajaan akan mengambil kira pendekatan Rancangan Malaysia Pertama (RMK1) bagi merancang pelan RMK13 nanti.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, RMK13 itu kelak akan dilihat lebih ringkas dan menyeluruh serta berasaskan 'kanvas kosong'.

Namun, katanya, RMK13 juga tetap mengambil kira cabaran ekonomi semasa, namun pada masa sama melaksanakan reformasi lebih radikal secara tersusun sekali gus membolehkan

kerajaan responsif terhadap keperluan rakyat.

"Ketika ini, ekonomi Malaysia berkembang dengan ketara daripada pergantungan kepada getah dan bijih timah semasa pasca kemerdekaan, namun transformasi lanjut diperlukan bagi mengekalkan kelebihan daya saing dan daya tahan dalam dunia yang semakin mencabar.

"Kerajaan komited melaksanakan reformasi radikal dan berani dalam memperkukuh asas ekonomi negara selain memanfaatkan potensi besar rantau ASEAN," katanya ketika menyampaikan ucapan tama pada

Persidangan Permulaan RMK13 2026-2030 di sini semalam.

Katanya, Malaysia perlu merebut peluang ini kerana ASEAN dijangka menjadi pasaran pengguna keempat terbesar di dunia dalam tempoh 10 hingga 15 tahun akan datang.

Justeru, Rafizi berkata, RMK13 akan menjadi dokumen strategik yang ringkas, namun komprehensif, direka untuk mudah difahami oleh semua rakyat Malaysia.

Rafizi menjelaskan, penggabungan RMK13 dijangka siap sepenuhnya pada Mei tahun depan.

Katanya, dokumen penting bagi perancangan ekonomi ne-

gara itu dijadualkan dibentangkan pada persidangan Parlimen Julai tahun depan selepas dimuktamadkan kerajaan.

"Pelan RMK13 ini hanya akan mengambil masa enam bulan untuk disiapkan berbanding 18 bulan bagi menyiapkan RMK sebelum ini," katanya.

Dalam pada itu, Rafizi berkata, beliau sendiri akan turun padang ke Jelajah Madani Mendengar bagi melengkapkan pelan RMK13 bermula bulan ini di seluruh negara bagi mendapatkan seberapa banyak pandangan akar umbi terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat.

KOSMO

Tarikh: 06 SEP 2024

Insiden tanah jerlus di Jalan Masjid India kes terpencil

Kuala Lumpur kekal selamat – KPKT

Oleh KHAIRUL MOHD. ALI

JOHOR BAHRU – Insiden tanah jerlus yang berlaku di Jalan Masjid India, Kuala Lumpur baru-baru ini adalah merupakan kes terpencil dan tidak seharusnya dijadikan sebagai indikator bahawa ibu negara tidak lagi selamat untuk dihuni.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Nga Kor Ming sebaliknya berkata, Kuala Lumpur dan juga bandar raya utama lain di negara ini kekal selamat untuk dikunjungi dan didiami oleh orang ramai.

"Semua negeri di Malaysia ada melakukan pemetaan utiliti dan kajian struktur tanah di ibu negara. Bukan sahaja Kuala Lumpur tetapi juga di Johor, Perak dan lain-lain. Kesemua kerja pemetaan ini memang dijalankan sepanjang masa secara berfasa.

"Jangan kerana 'isolated case' (kes terpencil insiden tanah jer-



KOR MING (tiga dari kiri) menyerahkan peruntukan RM400,000 kepada Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulai, Mohd. Fahmi Salam di Johor Bahru semalam. – RAJA JAAFAR ALI

lus Jalan Masjid India) seolah-olah negara kita tidak selamat

didiami, itu tidak betul," katanya selepas menyempurnakan Majlis

Penyerahan Kunci dan Pelancaran Bomba Komuniti Residensi

Pelangi Indah, di sini semalam. Tambah Kor Ming, pelaksanaan pemetaan utiliti dan kajian struktur tanah di ibu negara turut dibuat melibatkan kediaman bertingkat atau strata.

"Bangunan yang bertingkat, strata sebelum mendapat kebenaran merancang, dia mesti mendapat 'geo science and technical report', ini adalah keperluan buat pembinaan satu-satunya pembangunan hartanah.

"Apabila pakar sudah mengesahkan selamat, baru boleh bagi perintah pembangunan. Struktur bangunan kita memang selamat kerana kita mempunyai standard yang tinggi," jelasnya.

Kosmo! Ahad melaporkan, operasi mencari dan menyelamat wanita India, G. Vijaya Lakshmi, 48, yang hilang selepas terjatuh dalam kejadian tanah jerlus di Jalan Masjid India pada 23 Ogos lalu dihentikan serta-merta pada Sabtu lalu.

KOSMO

Tarikh: 06 SEP 2024

OPR kekal tiga peratus

PETALING JAYA - Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) Bank Negara Malaysia (BNM) semalam membuat keputusan untuk mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada tiga peratus.

Menurut kenyataan bank pusat, pada tahap OPR semasa, pendirian dasar monetari terus menyokong ekonomi dan konsisten dengan penilaian semasa berhubung prospek inflasi dan pertumbuhan.

"MPC terus memantau perkembangan semasa bagi memaklumkan penilaian trajektori inflasi dan trajektori pertumbuhan dalam negeri menuju tahun 2025.

"MPC juga akan memastikan pendirian dasar monetari kekal kondusif untuk pertumbuhan ekonomi yang mampan dalam keadaan harga yang stabil," katanya.

Bank pusat menjelaskan, ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 5.1 peratus pada separuh pertama tahun ini dan penunjuk terkini mencatatkan kegiatan ekonomi yang terus kukuh, didorong oleh perbelanjaan dalam negeri yang berdaya tahan dan aktiviti eksport yang lebih giat.

"Pada masa hadapan, eksport dijangka terus disokong oleh peningkatan kitaran teknologi global berikutan kedudukan negara dalam rantaian bekalan semikonduktor serta eksport barangan bukan elektrik dan elektronik yang terus kukuh," ujarnya.

Pertumbuhan guna tenaga dan upah berserta langkah-

langkah dasar masih terus menyokong perbelanjaan isi rumah.

Pengembangan mantap aktiviti pelaburan akan berterusan disebabkan oleh projek berbilang tahun dalam sektor swasta dan awam, pelaksanaan inisiatif pemangkin di bawah beberapa pelan induk nasional serta lebih banyak pelaksanaan pelaburan yang telah diluluskan.

Import pengantaraan dan modal yang lebih tinggi akan memberikan sokongan lanjut kepada eksport dan pelaburan.

Prospek pertumbuhan bergantung pada risiko pertumbuhan menjadi perlahan yang berpunca daripada permintaan luaran dan pengeluaran komoditi yang lebih rendah.

"Ekonomi global terus berkembang berikutan keadaan pasaran pekerja yang berdaya tahan dan pemulihan perdagangan global yang berterusan.

Pada masa hadapan, pertumbuhan global dijangka berterusan disebabkan oleh keadaan pasaran pekerja yang positif, inflasi yang terus menurun dan dasar monetari yang kurang ketat.

Perdagangan global dijangka terus pulih dengan sokongan produk elektrik dan elektronik (E&E) serta produk bukan E&E.

Prospek pertumbuhan terus bergantung pada risiko pertumbuhan menjadi perlahan, terutamanya oleh ketegangan geopolitik yang semakin meruncing dan volatiliti dalam pasaran kewangan global.

KOSMO

Tarikh: 06 SEP 2024

Sindiket *counter setting* bawa masuk warga asing secara haram melalui KLIA

Dua lagi penguat kuasa diberkas

6/9 KOSMO

Oleh TUAN NURHIDAYAH TUAN AB. GHANI

KUALA LUMPUR – Seramai dua lagi penguat kuasa yang berkhidmat di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) ditahan kerana dipercayai terlibat dalam rasuah membabitkan sindiket membawa masuk warga asing tanpa mengikut pemeriksaan yang sepatutnya.

Menurut sumber, kedua-dua suspek lelaki berusia lingkungan 30 hingga 40-an ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sekitar pukul 6.30 pagi ketika hadir bagi memberi keterangan di pejabat SPRM Kuala Lumpur, Selasa lalu.

Susulan penahanan itu, suspek dibawa ke Mahkamah Majistret Kuala Lumpur pada Selasa dan perintah reman selama empat hari sehingga esok terhadap suspek telah dikeluarkan oleh Majistret Noorelyna Hanim Abd Halim.

"Kedua-dua suspek disyaki melakukan perbuatan tersebut sejak tahun 2016 dan menerima bayaran secara tunai antara RM300 hingga RM2,500 sebagai balasan untuk melepaskan warga asing masuk menggunakan modus operandi *counter setting*.



GAMBAR fail beberapa suspek yang ditahan bagi membantu siasatan berhubung *counter setting* di KLIA Sepang baru-baru ini.

"Ini adalah susulan daripada lima suspek termasuk tiga penguat kuasa yang ditahan reman pada 30 Ogos lalu dan telah pun dilepaskan dengan jaminan SPRM sebaik berakhir tempoh

reman masing-masing," katanya.

Sementara itu, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki ketika dihubungi mengesahkan tangkapan tersebut dan berkata,

kes disiasat di bawah Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.

Beliau berkata, usaha giat sedang dilakukan untuk mengesan suspek utama, Roney Irwan Mohamad Nor, 49, dengan alamat



KERATAN Kosmo! 22 Ogos 2024.

terakhir C-T02-U03, Fasa P18R13, Presint 18, 62100 Putrajaya.

Semalam, tujuh lagi individu termasuk tiga anggota penguat kuasa Imigresen dan seorang anggota polis ditahan di ibu negara disyaki terbabit sindiket membawa masuk warga asing menggunakan modus operandi *counter setting*.

SPRM mengesan kegiatan sindiket membawa masuk warga asing termasuk dari Myanmar, Bangladesh, Indonesia, India, Pakistan, dan Nepal melalui pintu masuk negara tanpa pemeriksaan pihak berkuasa.

Kegiatan sindiket terbabit terbongkar selepas SPRM menahan 12 individu membabitkan sembilan lelaki dan tiga wanita berusia lingkungan 20 hingga 50-an di sekitar Lembah Klang, Pulau Pinang dan Kelantan.

KOSMO

Tarikh: 06 SEP 2024



AHMAD ZAHID (tengah) bergambar bersama tetamu Persidangan Perundangan Antarabangsa Berkenaan Ancaman Dalam Talian di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur semalam.

Melindungi rakyat daripada pelbagai ancaman **Perkenal akta baharu tangani jenayah siber**

Oleh RASDAN AHMAD

KUALA LUMPUR – Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, Malaysia sedang bersedia memperkenalkan akta baharu yang bertujuan menangani jenayah siber dan jenayah-jenayah lain yang dilakukan di dalam talian.

Ahmad Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah menegaskan, akta itu penting dalam melindungi rakyat Malaysia daripada pelbagai ancaman siber yang semakin meningkat.

"Saya mengucapkan tahniah kepada Menteri Undang-undang dan Reformasi Institusi, Datuk Seri Azalina Othman Said kerana mengambil inisiatif dan berada di garisan hadapan untuk menjadikan akta baharu ini bagi kepentingan rakyat Malaysia.

"Ia meliputi semua lapisan masyarakat termasuk anak-anak di peringkat umur muda yang menggunakan internet sebagai tools atau medium komunikasi," katanya selepas merasmikan *International Legal Conference on Online Harms 2024* di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), di sini semalam.

Turut hadir Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said.

Ahmad Zahid berkata, kerajaan merasa sangat prihatin terhadap mangsa buli, penipuan dan akta tersebut akan melihat beberapa aspek dari segi jenayah yang mungkin tidak berlaku sekarang tetapi ada perkara-perkara tertentu yang mengunjurkan, yang akan berlaku dalam dekad-dekad mendatang.

"Akta ini akan didraf sepenuhnya oleh Peguam Negara, chambers dan akan dibawa ke Kabinet untuk pengurusan sepenuhnya sebelum dibentangkan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara," katanya.

Beliau turut mengulas mengenai penubuhan syarikat kerjasama empat negeri iaitu SG4 Sdn. Bhd. yang terdiri Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis.

"Saya melihat bahawa SG4 Sdn. Bhd. yang ditubuhkan ini mempunyai maksud yang baik. Namun kita tahu bahawa harga REE (unsur nadir bumi) di pasaran dunia kini telah merosot sebanyak 70 peratus.

"Ini disebabkan oleh pembuangan atau lambakan REE di pasaran dunia dengan pengeluaran *stockpile* negara tertentu," katanya.

KOSMO

Tarikh: 06 SEP 2024



ANGGOTA Perhilitan Selangor menangkap buaya tembaga berukuran 1.68 meter di Taman Tasik Seksyen 7, Shah Alam.

Kurang 24 jam buaya sesat ditangkap

Shah Alam: Tidak sampai 24 jam perangkap dipasang, buaya 'sesat' yang berkeliaran di Taman Tasik Seksyen 7 di sini, akhirnya berjaya ditangkap, malam kelmarin.

Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Semenanjung Malaysia (Perhilitan) Selangor, Wan Mohd Adib Wan Mohd Yusoh berkata, buaya berkenaan dikesan memasuki perangkap sekitar jam 10.20 malam.

"Buaya kami selamatkan malam ini (kelmarin) buaya tembaga jantan sepanjang 1.68 meter berusia sekitar tiga ke lima tahun dengan anggaran berat 15 hingga 20 kilogram.

"Ini operasi menyelamatkan buaya paling pantas kami lakukan kerana tidak sampai 24 jam perangkap dipasang, ia sudah makan umpan segar yang kami letakkan.

"Antara faktor kejayaan Perhilitan kami mengkaji

dahulu perilaku hidupan liar ini sebelum operasi menyelamat dilakukan," katanya di lokasi tangkapan buaya itu.

Mengulas lanjut, Wan Mohd Adib berkata, tindakan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) menutup taman tasik pada waktu malam turut mendorong reptilia itu memasuki perangkap berikutan suasana sunyi dan tiada gangguan.

Katanya, Perhilitan juga akan meminta MBSA terus

menutup taman tasik itu pada waktu malam bagi sehari dua lagi bagi membolehkan pihaknya memantau bagi memastikan tiada buaya lain di situ.

"Buaya ini kami pindahkan ke Paya Indah Wetlands, Sepang," katanya.

Operasi mengangkat naik perangkap buaya itu bermula sekitar jam 11.25 malam dan kerja mengeluarkan buaya daripada perangkap selesai jam 12.05 tengah malam.

HARIAN METRO

Tarikh: ...0.6...SEP...2024..

Penjenamaan semula PPR kepada PRR ^{6/9} _{metro}

Johor Bahru: Kabinet meluluskan penjenamaan semula Program Perumahan Rakyat (PPR) kepada Program Residensi Rakyat (PRR).

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Nga Kor Ming berkata, program itu dijangka bermula di Johor tahun depan dengan Larkin berkemungkinan menjadi lokasi pertama pembinaan residensi terbahit.

"Ini tempat pertama yang kami umumkan dan kami sudah membuat kajian dan perbandingan dengan negara lain dan *benchmark* kami tidak kurang daripada rumah Lembaga Perumahan dan Pembangunan (HDB) di Singapura.

"Kami bawakan konsep baharu yang mana PRR dengan kualiti yang lebih tinggi, namun harga masih berpatutan.

"Kami juga melihat model rumah yang wujud di Australia, Korea dan negara lain.

"Saya jangkakan ia akan bermula dari selatan iaitu Johor dan kemungkinan be-

"Kami bawakan konsep baharu yang mana PRR dengan kualiti yang lebih tinggi, namun harga masih berpatutan"

Nga Kor Ming

sar di Larkin," katanya selepas menyempurnakan simbolik penyerahan kunci rumah Residensi Pelangi Indah di bawah PRiMA pada Program Sentuhan Kasih KPKT di Ulu Tiram di sini, semalam.

Residensi itu terdiri daripada 720 unit kediaman dan dilengkapi pelbagai kemudahan komuniti seperti surau, taman permainan kanak-kanak, tadika, taska, dewan serba guna dan bilik mesyuarat.

Sementara itu, Kor Ming berkata, KPKT sentiasa komited dan fokus untuk menyediakan 500,000 unit rumah mampu milik kepada rakyat tempatan.

HARIAN METRO
Tarikh: 06 SEP 2024

8 perkara jejas patriotisme

6/9 metro



Bersama
Dr Nor Hazrul
Mohd Salleh



Hanya dengan menanamkan semangat patriotik yang tulus, Malaysia akan terus maju sebagai negara harmoni dan sejahtera

inta kepada negara adalah satu nilai yang diakui dan dihormati dalam pelbagai tamadun, termasuk Islam. Islam melihat cinta kepada negara sebagai suatu bentuk kesetiaan dan tanggungjawab yang selari dengan prinsip agama.

Al-Quran mengisyaratkan kepentingan memelihara dan mencintai tanah air. Allah SWT berfirman: "Dan (ingatlah) ketika Nabi Ibrahim berdoa dengan berkata: "Wahai Tuhanku! Jadikanlah (negeri Makkah) ini, negeri yang aman sentosa dan berikanlah rezeki daripada pelbagai jenis buah-buahan kepada penduduknya iaitu orang yang beriman kepada Allah serta Hari Akhirat di antara mereka" - (Surah al-Baqarah, ayat 126). Doa ini menunjukkan kepentingan keamanan dan kesejahteraan negara serta mencerminkan cinta Nabi Ibrahim kepada tanah airnya.

Hadis Rasulullah SAW turut memperkukuhkan konsep cinta kepada negara. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: "Demi Allah, engkau adalah tanah yang paling aku cintai. Jika bukan kerana pendudukmu mengusirku, aku tidak akan meninggalkanmu" - (Hadis Riwayat Tirmizi). Hadis ini menonjolkan kecintaan Rasulullah SAW terhadap tanah airnya. Perasaan cinta mendalam ini menggambarkan Islam mengiktiraf cinta kepada tanah air sebagai sebahagian nilai kemanusiaan.

Patriotisme adalah satu nilai yang penting dalam memastikan kestabilan dan keharmonian negara. Di Malaysia, semangat patriotik bukan sahaja dihargai, tetapi juga dianggap asas kepada pembangunan dan perpaduan negara berbilang kaum, agama, dan budaya. Namun, terdapat perbuatan yang boleh dianggap sebagai menunjukkan semangat tidak patriotik yang bukan sahaja merosakkan keharmonian negara, tetapi juga membawa kepada ketegangan dan perpecahan masyarakat.

Pertama, menghina atau merendahkan simbol negara. Simbol negara seperti bendera Jalur Gemilang, lagu kebangsaan Negaraku dan jata negara adalah lambang kedaulatan, kemerdekaan dan identiti

Malaysia. Menghina atau merendahkan simbol ini adalah perbuatan sangat tidak patriotik. Tindakan seperti membakar bendera, mengubah lirik lagu kebangsaan dengan cara menghina atau mencemarkan jata negara bukan sahaja menunjukkan ketidaksetiaan kepada negara, tetapi juga menyinggung perasaan rakyat Malaysia yang menghormati simbol ini.

Kedua, tidak menghormati raja dan pemimpin negara. Malaysia mengamalkan sistem raja berperlembagaan, tidak menghormati institusi ini, termasuk membuat kenyataan menghina atau menyebarkan fitnah terhadap raja dan pemimpin negara, adalah perbuatan yang menunjukkan semangat tidak patriotik. Raja dan pemimpin negara adalah simbol perpaduan dan kestabilan. Sebarang tindakan mencemarkan imej mereka boleh menggugat kepercayaan rakyat terhadap institusi ini dan menimbulkan ketidakstabilan dalam negara.

Ketiga, menyebarkan hasutan atau fitnah. Menyebarkan hasutan atau fitnah yang boleh mencetuskan perpecahan kaum, agama, atau politik adalah perbuatan yang merosakkan dan tidak patriotik. Malaysia adalah negara yang kaya dengan kepelbagaian etnik dan budaya. Keharmonian antara kaum adalah kunci kestabilan negara. Menyebarkan maklumat palsu, menyebarkan kebencian antara

kaum atau agama dan memanipulasi isu sensitif untuk kepentingan peribadi atau politik boleh mencetuskan ketegangan masyarakat.

Keempat, enggan menunaikan tanggungjawab sebagai warganegara. Setiap individu mempunyai tanggungjawab tertentu yang perlu dipenuhi, termasuk membayar cukai, mengundi dalam pilihan raya dan mematuhi undang-undang. Enggan menunaikan tanggungjawab ini adalah tidak patriotik. Misalnya, tidak membayar cukai boleh menjejaskan sumber pendapatan yang diperlukan untuk pembangunan dan penyediaan perkhidmatan awam. Tanggungjawab sebagai warganegara adalah asas kestabilan dan kemajuan dan mengabaikannya bermakna tidak mengambil berat tentang kesejahteraan negara.

Kelima, melakukan vandalisme terhadap harta benda awam. Vandalisme terhadap harta awam adalah perbuatan tidak patriotik. Harta awam adalah milik bersama dan simbol kemajuan negara. Merosakkannya bermakna tidak menghargai kemudahan dan kemajuan yang telah dicapai. Vandalisme juga menimbulkan rasa tidak selamat dalam kalangan masyarakat dan merosakkan imej negara.

Keenam, menyokong atau melibatkan diri dalam aktiviti keganasan. Menyokong,

membantu, atau melibatkan diri dalam aktiviti keganasan untuk menggugat kestabilan negara adalah perbuatan yang sangat tidak patriotik. Aktiviti keganasan bukan sahaja mengancam keselamatan rakyat, tetapi juga menjejaskan kestabilan politik dan ekonomi.

Ketujuh, tidak menghormati perpaduan kaum. Ia termasuk mengamalkan diskriminasi, rasisme atau sikap prasangka terhadap kaum lain, adalah perbuatan bertentangan dengan semangat patriotisme. Menghormati perpaduan kaum adalah salah satu cara untuk menunjukkan cinta dan kesetiaan kepada negara.

Kelapan, terbabit dalam penyeludupan dan aktiviti haram. Menyokong atau terlibat dalam aktiviti penyeludupan, perdagangan manusia atau aktiviti haram lain yang melibatkan eksploitasi sumber negara dan melemahkan ekonomi negara juga merupakan perbuatan yang tidak patriotik. Aktiviti ini bukan sahaja merosakkan ekonomi negara tetapi juga mencemarkan imej Malaysia.

Tegasnya, hanya dengan menanamkan semangat patriotik yang tulus, Malaysia akan terus maju sebagai negara harmoni dan sejahtera.

Penulis Penyelaras Program Khas Bahasa Arab, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Pusat Pendidikan Universiti Malaya, Bachok

HARIAN METRO
Tarikh: 06 SEP 2024...

Lindungi kanak-kanak guna internet

Kuala Lumpur: Rang Undang-undang (RUU) Keselamatan Dalam Talian yang dijangka dibentangkan di Dewan Rakyat Oktober depan bersifat menyeluruh dan mengambil kira jenayah siber yang mungkin berlaku pada masa hadapan.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid berkata, akta baharu itu digubal demi kepentingan seluruh lapisan rakyat Malaysia terutama kanak-kanak yang menggunakan internet sebagai medium komunikasi harian.

"Dalam hal ini kami sangat prihatin terhadap mangsa buli, mangsa scam, dan tentu akta ini akan melihat beberapa aspek dari

segi jenayah yang mungkin tidak berlaku sekarang, tetapi ada beberapa perkara tertentu yang kami unjuran mungkin akan berlaku dalam dekad-dekad mendatang," katanya selepas melancarkan Persidangan Perundangan Antarabangsa Berkenaan Ancaman Dalam Talian 2024 di sini, semalam yang turut dihadiri Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) Datuk Seri Azalina Othman Said serta Duta Sepanyol ke Malaysia Jose Luis Pardo.

Ahmad Zahid berkata, Jabatan Peguam Negara akan

merangka draf RUU itu untuk dibawa ke Kabinet bagi mendapatkan kelulusan sebelum dibentangkan di Dewan Rakyat Oktober depan.

Azalina dilaporkan berkata, RUU itu akan dibentangkan olehnya, manakala pelaksanaan dan penguatkuasaan di bawah Kementerian Komunikasi menerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (MCMC).

Terdahulu dalam ucapannya, Ahmad Zahid berkata, penubuhan majlis itu bertujuan memupuk nilai dan membina kapasiti

insan untuk menggalakkan perpaduan sosial, kestabilan dan kesejahteraan masyarakat Malaysia yang maju dan stabil.

Beliau berkata, majlis itu giat menangani isu utama seperti sokongan kesihatan mental melalui inisiatif seperti talian hotline krisis Talian HEAL (Bantuan Krisis Kesihatan Mental) yang menyediakan bantuan penting kepada mereka yang memerlukan.

"Selain itu, kami juga sedang mempergiatkan usaha memerangi ancaman penipuan dalam talian yang semakin meningkat, semakin berleluasa, apabila orang ramai menghabiskan lebih banyak masa dalam ruang digital," katanya.

RUU ambil kira jenayah siber yang mungkin berlaku pada masa hadapan

Pejabat AI Kebangsaan mula operasi November

Kuala Lumpur: Pejabat Kecerdasan Buatan (AI) Kebangsaan di bawah seliaan MyDigital Corporation akan mula beroperasi November ini, kata Menteri Digital Gobind Singh Deo.

"Semasa mesyuarat Kabinet dua minggu lalu, kita telah meluluskan cadangan untuk menubuhkan pejabat AI kebangsaan ini.

"Diharapkan pejabat ini akan beroperasi pada bulan November nanti," katanya kepada pemberita selepas majlis perasmian pejabat baru SAS Institute Sdn Bhd di Menara

bla metro
IQ di Tun Razak Exchange, di sini, semalam.

Gobind berkata salah satu fokus utama Pejabat AI kebangsaan adalah untuk merangka ekosistem yang memastikan Malaysia boleh menjadi hab AI di rantau ini.

"Ini termasuk menarik perhatian pelabur dari seluruh dunia untuk melihat Malaysia sebagai destinasi utama dalam pusat data dan ekosistem berkaitan.


"Kita melihat kepentingan teknologi baharu dan keperluan untuk mempersiapkan negara kita untuk teknologi ini. Dengan penubuhan pejabat AI kebangsaan ini, Malaysia telah mengambil langkah untuk memastikan kita menjadi peneraju dalam bidang ini di peringkat global," katanya.



HARIAN METRO

Tarikh: ...06...SEP...2024..

Akta Pembangunan Semula Bandar wajar digubal supaya bercirikan kesepaduan demi kesejahteraan seluruh warga



BAIKI SEGERA BANGUNAN UZUR

PROGRAM pembaharuan bandar wajar dikemukakan dan diteliti supaya kesejahteraan bandar dapat dinikmati bersama.

G19
metro



Oleh **Muhamad Razis Ismail**
razis@mediaprima.com.my

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Nga Kor Ming dilaporkan berkata, terdapat 139 tapak di seluruh Bandaraya Kuala Lumpur dikenal pasti untuk dimajukan semula di bawah draf Akta Pembangunan Semula Bandar yang sedang digubal untuk dibahaskan di Parlimen.

Profesor Kehormat (Alambina) Universiti Infrastruktur Kuala Lumpur (IUKL), Profesor Dr Ismail Omar berkata, pada 20 tahun akan datang, banyak bangunan lama yang akan uzur dan buruk sekiranya tiada perhatian dan penyelenggaraan dibuat mulai sekarang.

"Justeru itu, program pembaharuan bandar wajar dikemukakan dan diteliti supaya kesejahteraan bandar dapat dinikmati bersama.

"Akta Pembangunan Semula Bandar wajar digubal supaya bercirikan kesepaduan demi kesejahteraan," katanya dalam satu kenyataan baru-baru ini.

Menurutnya, di bawah Akta Pembangunan Semula Bandar yang sedang digubal, terdapat beberapa tindakan yang akan diambil pihak agensi kerajaan terutama di bawah garis panduan yang sudah dikenal pasti di bawah Kementerian Perumahan

dan Kerajaan Tempatan (KPKT) iaitu Garis Panduan Pelaksanaan Pembaharuan Bandar (GPP PSB).

"Panduan ini perlu dilihat sebagai rujukan bagi semua pihak yang terlibat dalam proses pembangunan semula bandar, terutama pemaju hartanah, penilai, perancang bandar, peguam, juruukur, arkitek, jurutera dan sebagainya.

"Garis panduan berkenaan akan menjadi alat yang membantu ahli-ahli profesional hartanah melalui beberapa insentif yang ada.

"Antara insentif yang ditawarkan termasuklah bayaran premium tanah yang lebih mampu milik, tunggakan cukai tanah yang lebih wajar dan kadar cukai pintu yang lebih baik.

"Begitu juga dengan ketumpatan pembangunan, nisbah plot yang lebih wajar, proses pengambilan tanah untuk maksud awam dan penyediaan prasarana yang lebih ringkas dan tangkas," katanya.

Beliau yang juga Presiden Pertubuhan Profesional Tanah Malaysia (PERTAMA) berkata, undang-undang ini perlu bersepadu dan mengambil kira semua perkara penting yang mempunyai kaitan dengan proses pembandaran.

"Di sana terdapat isu kemiskinan bandar, tanah rizab Melayu, isu tanah wakaf, masalah hartanah



PROFESOR Dr Ismail

tidak dapat dijual di pasaran, ciri-ciri bandar selamat, rendah karbon dan sebagainya.

"Semua perkara ini perlu diambil kira dan ditangani sebaik mungkin supaya erti kesejahteraan bandar yang sebenar dapat diserlahkan," katanya.

Mengulas lanjut, di bawah Fasal 13 Perlembagaan Persekutuan, tanah-tanah milik persendirian boleh diambil pihak agensi kerajaan melalui Akta Pengambilan Tanah (1960) Akta 486 dengan bayaran pampasan yang mencukupi.

"Di bawah Jadual 1 Akta 486 ini, dinyatakan secara terperinci butiran yang boleh dibayar pampasan dan butiran yang tidak boleh dibayar kepada pemilik berdaftar yang tanah diambil balik.

"Begitupun, Jadual 1 itu sudah agak ketinggalan

kerana Akta 486 ini sendiri sudah 'menua' dan 'uzur' selepas 60 tahun lebih," katanya.

Beliau turut menggunakan contoh di bawah Seksyen 3 Akta Pengambilan Tanah 1960 iaitu pengambilan tanah yang dilakukan pihak agensi kerajaan hendaklah untuk maksud awam seperti membina jalan raya, dewan orang ramai dan sebagainya.

"Malahan di bawah Seksyen 3 (1)(b), pengambilan tanah boleh dibuat agensi kerajaan untuk meningkatkan sosio-ekonomi penduduk setempat.


"Pengambilan tanah untuk maksud meningkatkan taraf ekonomi ini sering menjadi isu terutama apabila jumlah pampasan yang dibayar kepada pemilik dikatakan rendah sedangkan tanah-tanah yang diambil balik itu akan dibina rumah mewah bernilai jutaan ringgit dan dijual kepada orang ramai," katanya.

Oleh yang demikian, beliau berharap implikasi daripada penggabungan dan pelaksanaan undang-undang pembangunan semula bandar ini perlu dikaji serta diteliti dengan lebih mendalam.

"Dalam konteks ini,

pembangunan semula bandar bukan semata-mata mengubah ciri-ciri fizikal bangunan tetapi juga seharusnya mengambil kira kesan terhadap alam sekitar, manusia, haiwan dan tumbuh-tumbuhan dalam konteks yang lebih luas.

"Untuk mencapai keberhasilan yang optimum, semua undang-undang yang berkaitan, ekonomi makro dan mikro, keadaan sosial masyarakat hendaklah diteliti dengan cermat. Yang penting, hasil akhir akan memberikan situasi 'menang-menang' kepada semua pihak," katanya.



GARIS Panduan Pelaksanaan Pembaharuan Bandar perlu dilihat sebagai rujukan bagi semua pihak yang terlibat dalam proses pembangunan semula bandar.

RMK13

RANCANGAN MALAYSIA KETIGA BELAS

2026-2030
5 & 6 SEPTEMBER 2024



Rafizi berucap pada Majlis Persidangan Permulaan RMK13 di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto BERNAMA)

RMK13 imbangi keperluan semua lapisan masyarakat

Input pelbagai pihak diperlukan bagi tentukan dengan tepat hala tuju dasar negara

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) akan mengambil pendekatan yang lebih ringkas, padat dan menyeluruh, mirip dengan Rancangan Malaysia Pertama (RMK1) dengan setiap aspek akan tertumpu kepada hala tuju dasar tertentu, kata Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli.

RMK13 sudah semestinya akan mengimbangi keperluan semua rakyat dalam masyarakat termasuk keperluan Bumiputera.

Beliau berkata, merangka RMK13 adalah cabaran yang besar kerana ekonomi negara kini lebih kompleks dan berfokus kepada kepelbagaian.

"Fasa perancangan ini ibarat 'kanvas kosong'. Kami ingin mendapatkan idea dan input kreatif daripada pelbagai pihak supaya hala tuju dasar negara dapat ditentukan dengan tepat," katanya pada Persidangan Permulaan RMK13 semalam.

Kanvas kosong merujuk kepada segala idea dan input kreatif masih boleh diterima, tanpa terikat dengan sebarang dasar atau pendekatan lama.

Maknanya, ia adalah peluang untuk membina sesuatu yang baharu tanpa terikat dengan status

quo, dengan kebebasan untuk mencorakkan hala tuju dasar negara dari awal.

RMK1 adalah rancangan pembangunan ekonomi negara yang pertama dilaksanakan sesudah tertubuhnya Malaysia. Ia dilaksanakan selama lima tahun di antara 1966 hingga 1970, membabitkan seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak.

Matlamat RMK1 ketika pelaksanaannya adalah untuk menjaga kebajikan seluruh rakyat dengan meninggikan taraf hidup kawasan luar bandar, terutamanya dalam kalangan rakyat berpendapatan rendah.

Antara tumpuan khusus RMK1 adalah memajukan sektor pertanian untuk memperbaiki sosioekonomi penduduk luar bandar yang membawa kepada penubuhan FELDA untuk membangunkan sosioekonomi penduduk luar bandar, membuka banyak projek tanah sehingga 1966, antaranya Segitiga Jengka di Pahang, Projek Pahang Tenggara dan Projek Johor Tenggara.

Projek ini berjaya meningkatkan taraf hidup petani serta menambah peluang pekerjaan dan mengurangkan pengangguran di luar bandar.

Pembaharuan berperingkat

Rafizi berkata, kerajaan kini lebih cenderung melaksanakan pembaharuan secara berperingkat, bukannya rangka tindakan besar bagi membolehkan penyelesaian kepada pelan berdasarkan maklum balas rakyat.

Menyentuh mengenai sejarah ekonomi negara, Rafizi berkata, pada awalnya tumpuan negara adalah kepada komoditi seperti getah dan bijih timah.

Kemudian, negara beralih kepada minyak sawit dan petroleum yang membantu Malaysia menjana pendapatan tinggi serta memperluaskan eksport ke peringkat global.

Beliau juga menekankan RMK13 tidak hanya melihat perancangan untuk lima tahun akan datang tetapi turut membayangkan masa depan Malaysia pada 2040.

"Kita perlu berfikir di luar rangka dasar individu dan memikirkan apa yang akan mendorong ekonomi negara untuk generasi akan datang," tambahnya.

Beliau berkata, Asia Tenggara dijangka berkembang pada kadar empat peratus setiap tahun hingga 2040, menjadikan rantau ini ekonomi keempat terbesar dunia, dengan Malaysia berada di tengah-tengah pertumbuhan global.

Beliau percaya bahawa tumpuan kepada kepelbagaian ekonomi adalah penting untuk memastikan Malaysia dapat bersaing dengan ekonomi besar seperti India dan China.

Katanya, ekonomi Malaysia perlu digerakkan oleh penggunaan dalam negeri yang lebih tinggi, yang akan mencipta lebih banyak pekerjaan dan meningkatkan pendapatan rakyat.

Ini akan membawa kepada peningkatan pelaburan dalam infrastruktur awam seperti penjagaan kesihatan dan pendidikan.

Katanya, RMK13 yang sedang dirangka dijangka mengambil masa enam bulan untuk disiapkan iaitu Mei tahun depan.

Beliau berkata, ia dijadualkan dibentangkan di Dewan Rakyat pada Julai tahun depan selepas mendapat kelulusan Kabinet.

Rombak pengurusan tertinggi beri nafas baharu reformasi sektor awam

L/A BH

● Rombakan dalam pengurusan tertinggi ini bertujuan menyuntik nafas baharu ke dalam perkhidmatan awam dengan melantik individu mempunyai latar belakang pengalaman luas, profesionalisme dan komitmen terhadap agenda pembaharuan

● Lonjakan positif dan signifikan dijangka berlaku khususnya dalam meningkatkan kecekapan, kualiti perkhidmatan, produktiviti, ketelusan dan akauntabiliti, profesionalisme, penyertaan awam, bahkan penggunaan teknologi pada era digitalisasi ini



Oleh Prof Madya Dr Nor Wahiza Abd Wahat
bhrencana@bh.com.my

Kelmarin, Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Shamsul Azri Abu Bakar mengumumkan rombakan dalam kalangan pegawai tertinggi perkhidmatan awam membabitkan sembilan Ketua Setiausaha (KSU), seorang Timbalan KSU (TKSU) dan dua ketua pengarah.

Inisiatif rombakan ini memperlihat usaha jitu kerajaan bagi mengukuhkan pentadbiran negara. Bahkan ia menandakan bermula era reformasi dalam perkhidmatan awam di bawah pentadbiran Kerajaan Perpaduan pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Dalam usaha untuk meningkatkan kecekapan dan ketelusan, rom-

bakan ini dilihat langkah proaktif bagi memastikan kelangsungan tadbir urus lebih baik, lebih-lebih lagi dalam Kementerian strategik seperti Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Kementerian Pertahanan, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi serta Unit Kerjasama Awam dan Swasta (UKAS).

Perkhidmatan awam adalah tulang belakang pentadbiran negara. Ketelusan, kecekapan dan daya responsif terhadap keperluan rakyat adalah elemen penting bagi memastikan kerajaan dapat melaksanakan dasar dan inisiatif dirancang.

Rombakan dalam pengurusan tertinggi ini bertujuan menyuntik nafas baharu ke dalam perkhidmatan awam dengan melantik individu mempunyai latar belakang pengalaman luas, profesionalisme dan komitmen terhadap agenda pembaharuan.

Pelantikan baharu membariskan sembilan KSU, seorang TKSU dan dua ketua pengarah ini membawa harapan untuk memperkenalkan pendekatan baharu lebih inovatif, strategik dan relevan dengan kehendak semasa. Ia juga memastikan tiada budaya stagnasi dalam pentadbiran boleh membantutkan kemajuan negara.

Dengan bermula era reformasi dalam perkhidmatan awam ini, lonjakan positif dan signifikan dijangka berlaku khususnya dalam meningkatkan kecekapan, kualiti perkhidmatan, produktiviti, ketelusan dan akauntabiliti, profesionalisme, penyertaan awam, bahkan penggunaan teknologi dalam era digitalisasi ini.

Ia termasuk penambahbaikan sistem e-kerajaan membolehkan rakyat berurusan dengan agensi ke-

rajaan secara dalam talian, mempercepat proses dan memudahkan akses kepada perkhidmatan

Rombakan berlaku dalam Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan memberi impak besar terhadap sektor pertanian, komponen utama ekonomi Malaysia.

Kementerian ini bertanggungjawab terhadap keperluan makanan, isu sangat kritikal khususnya pada era cabaran global seperti perubahan iklim dan krisis geopolitik yang boleh menjejaskan rantaian bekalan makanan dunia.

Dengan pelantikan KSU baharu, Datuk Seri Isham Ishak, tumpuan lebih besar boleh diberikan kepada peningkatan produktiviti pertanian, inovasi dalam teknologi makanan dan strategi lebih mampan untuk memastikan Malaysia tidak hanya mampu menampung keperluan makanan dalam negara, tetapi menjadi pemain global dalam sektor ini.

Perubahan kepimpinan ini berpotensi memperkukuh kerjasama dengan sektor swasta, petani dan golongan profesional dalam usaha memastikan keselamatan makanan terjamin untuk jangka masa panjang.

Pendekatan lebih strategik atasi cabaran

Kementerian Pertahanan pula institusi penting bertanggungjawab terhadap keselamatan dan kedaulatan negara. Dengan ancaman global semakin meningkat seperti ancaman siber, keganasan dan ketidakstabilan serantau, Kementerian ini memerlukan kepimpinan tegas, proaktif dan inovatif bagi menangani isu keselamatan.

Pelantikan Datuk Lokman Hakim Ali sebagai KSU baharu dijangka memperkenalkan pendekatan lebih strategik dalam menangani cabaran ini. Penekanan terhadap pemodenan peralatan pertahanan, latihan ketenteraan lebih berkesan dan kerjasama antarabangsa antara aspek berkemungkinan menjadi fokus utama.

Rombakan ini dijangka mempertingkatkan keupayaan Kementerian merangka dasar lebih kukuh bagi memastikan Malaysia mampu berdepan dengan sebarang ancaman baharu dan moden secara berkesan lagi efisien.

Usahawan dan koperasi pula memainkan peranan penting menggerakkan ekonomi negara. Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi bertanggungjawab memupuk pertumbuhan dalam kalangan usahawan tempatan dan memperkukuh gerakan koperasi sebagai alat pembangunan ekonomi inklusif.

Ia termasuk pembangunan ekonomi bagi golongan minoriti seperti orang kurang upaya (OKU), warga emas, ibu tunggal, Orang Asli dan juvana serta bekas banduan.

Pelantikan Datuk Seri Khairul Dzamee Daud di Kementerian ini diharap dapat memberikan dorongan segar kepada usaha membangunkan sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS), meningkatkan daya saing usahawan dan memperkukuh gerakan koperasi.

Inisiatif seperti pembiayaan lebih mudah diakses, program latihan lebih komprehensif dan pembentukan rangkaian perniagaan lebih luas dijangka menjadi fokus utama di bawah kepimpinan baharu.

Reformasi ini juga dijangka membawa kepada kerjasama yang lebih erat antara kerajaan, sektor swasta dan institusi kewangan bagi merangsang pertumbuhan ekonomi melalui usahawan dan koperasi.

UKAS adalah entiti penting berfungsi sebagai jambatan antara kerajaan dan sektor swasta dalam pelbagai projek pembangunan. Kerjasama awam-swasta (PPP) adalah satu model sangat penting dalam pembangunan negara, terutama dalam projek infrastruktur besar dan memerlukan pelaburan tinggi.

Rombakan dalam kepimpinan UKAS memberi peluang memperkukuh strategi PPP dan memastikan lebih banyak projek pembangunan dapat dilaksanakan dengan cekap.

Pegawai baharu dijangka lebih giat merancang dan melaksanakan projek strategik yang dapat membawa pulangan ekonomi besar kepada negara.

Tambahan pula, fokus lebih mendalam terhadap pelaksanaan telus dan akauntabiliti dalam kerjasama awam-swasta ini akan meningkatkan kepercayaan pelabur dan sektor swasta terhadap kerajaan.

Secara keseluruhannya, rombakan pengurusan tertinggi perkhidmatan awam ini dijangka membawa kepada reformasi signifikan dalam pentadbiran kerajaan.

Pelantikan pegawai baharu di Kementerian terbahit menandakan komitmen kerajaan memastikan kepemimpinan lebih dinamik dan berwawasan.

Dengan fokus kepada inovasi, ketelusan dan akauntabiliti, rombakan ini berpotensi membawa perubahan positif berterusan. Ia bukan sahaja meningkatkan kecekapan pentadbiran tetapi juga memberikan manfaat langsung kepada rakyat melalui dasar lebih berkesan, telus dan mesra rakyat.

Pada masa sama, ia juga memperkukuh kedudukan Malaysia dalam arena global sebagai negara mampu menangani cabaran semasa dengan kepimpinan berkualiti.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH

RUU Keselamatan Dalam Talian

Pengguna jadi 'suis pemati' jika wujud ancaman siber

C/9 64

Akta digital tidak menafikan hak rakyat untuk bersuara

Oleh Latifah Arifin
latifah@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan memberi jaminan Rang Undang-Undang (RUU) Keselamatan Dalam Talian yang dijangka dibentangkan di Dewan Rakyat selepas Belanjawan 2025 tidak akan menafikan kebebasan bersuara dalam kalangan rakyat.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said, berkata sebaliknya ia bermatlamat memperkasa pengguna daripada pelbagai risiko berkaitan perkhidmatan dalam talian, termasuk bertindak sebagai 'suis pemati' (*kill switch*), sekiranya berdepan isu keselamatan siber.

Azalina berkata, melalui akta itu keselamatan pengguna lebih terjamin mengambil kira mereka mempunyai kawalan sendiri ke atas aplikasi atau perkhidmatan dalam talian digunakan.

"Kita sedar pengguna media sosial di Malaysia kini sudah lebih 32 juta orang, jadi sukar untuk kita *regulate* (kawal selia) kesemuanya.

"Jadi, apa kita lakukan (melalui akta ini) adalah bukan kerajaan berperanan sebagai *kill switch*, tetapi tanggungjawab itu

terletak pengguna sendiri.

"Sebab itu kita mahu semua penyedia perkhidmatan, aplikasi atau platform media sosial berdaftar supaya (dapat kenal pasti) siapa di sebalik mereka ini.

"Seterusnya, mereka perlu patuh kepada protokol atau tanggungjawab tertentu yang ditetapkan dan melaluinya, pengguna akan lebih cakna sebagai contoh, di mana mereka boleh salurkan aduan, berapa lama proses (aduan) mengambil masa dan sebagainya," katanya kepada pemberita pada sidang media Persidangan Perundangan Antarabangsa Ancaman dalam Talian 2024 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), di sini, semalam.

Bincang isu ancaman siber

Terdahulu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi hadir menyampaikan ucapan, seterusnya merasmikan persidangan dua hari itu.

Penganjuran persidangan itu susulan cadangan pelesenan perkhidmatan media sosial berkuat kuasa 1 Januari tahun depan selepas satu kerangka kawal selia baharu ke atas perkhidmatan media sosial dan pesanan internet diperkenalkan pada 1 Ogos.

Mengenai dakwaan tindakan pelesenan menyekat kebebasan bersuara, Azalina berkata:

"Pertama, kita mahu rakyat ada *power*. Kedua, mesti ada keseimbangan dari aspek hak untuk bersuara.

"Kita tidak mahu menidakkan demokrasi dengan cara (misalnya), kerajaan mengalih kelu-



Ahmad Zahid bersama Azalina merasmikan Persidangan Perundangan Antarabangsa Ancaman dalam Talian 2024 di KLCC, semalam.

(Foto Aliman Hariz Azhar/BH)

ar segala maklumat.

"Ini juga mustahil untuk dilakukan kerana kalau kita turunkan satu hantaran di platform A akan ada platform lain pula yang memuat naik.

"Begitu juga bagi pengguna media sosial, jika mereka naikan hantaran yang menyebabkan kemudaratan seperti fitnah, tentu tindakan undang-undang berkaitan akan diambil," katanya.

Jelasnya, melalui RUU tersebut, penyedia perkhidmatan siber perlu lebih bertanggungjawab dalam isu keselamatan pengguna dan cakna mengenai tugas mereka.

"Misalnya, jika penyedia perkhidmatan ini keluarkan produk, tentu mereka ada sistem kawalan, malah mereka sebenarnya ada sistem canggih, malah tahu pengguna yang bagaimana menggunakan (perkhidmatan atau aplikasi mereka).

"Sebagai contoh, apabila (kandungan atau perkhidmatan) membabitkan kanak-kanak, ada panduan tertentu yang penyedia perkhidmatan ini perlu akur.

"RUU ini merangkumi beberapa fasa dan untuk fasa ketiga nanti, ia membabitkan bahagian penting iaitu mendapatkan pandangan daripada rakyat Malaysia," katanya.

BNM kekal OPR 3 peratus

6/9 8/1

Keputusan MPC selari prospek pertumbuhan ekonomi, inflasi

Oleh Alzahrin Alias
zahrin@bh.com.my

Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) Bank Negara Malaysia (BNM) pada mesyuarat semalam membuat keputusan untuk mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada tiga peratus.

Bank pusat dalam satu kenyataan berkata, ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 5.1 peratus pada separuh pertama 2024.

Ia berkata, penunjuk terkini mencatatkan kegiatan ekonomi yang terus kukuh, didorong oleh perbelanjaan dalam negeri yang berdaya tahan dan aktiviti eksport lebih giat.

Pada masa hadapan, katanya, eksport dijangka terus disokong oleh peningkatan kitaran teknologi global berikutan kedudukan Malaysia dalam rantai bekalan semikonduktor serta eksport barangan bukan elektrik dan elektronik (E&E) yang terus kukuh.

"Perbelanjaan pelancong dijangka terus meningkat. Pertumbuhan guna tenaga dan upah berserta langkah dasar masih terus menyokong perbelanjaan isi rumah.

"Pengembangan mantap aktiviti pelaburan akan berterusan disebabkan projek berbilang tahun dalam sektor swasta dan awam, pelaksanaan inisiatif pemangkin di bawah beberapa pelan induk nasional serta lebih banyak pelaksanaan pelaburan diluluskan," katanya.

BNM berkata, import pengantaraan dan modal yang lebih tinggi akan memberikan sokongan lanjut kepada eksport dan pelaburan.

Bank pusat itu menambah, prospek pertumbuhan bergantung pada risiko pertumbuhan menjadi perlahan yang berpunca daripada permintaan luaran dan pengeluaran komoditi yang lebih rendah daripada jangkaan.

"Sementara itu, risiko pertumbuhan menjadi lebih tinggi berpunca terutama daripada limpahan peningkatan kitaran teknologi yang lebih besar, aktiviti pelancongan yang lebih giat serta pelaksanaan yang lebih pantas bagi projek pelaburan," katanya.

Sementara itu, ia berkata, inflasi keseluruhan dan inflasi teras berpurata pada 1.8 peratus pada separuh pertama 2024.

Katanya, kesan limpahan daripada pelarasan harga diesel kepada harga secara amnya terkawal berikutan keberkesanan langkah pengurangan dan penguatkuasaan untuk meminimumkan kesan kos kepada perniagaan.

"Bagi seluruh 2024, purata inflasi keseluruhan dan inflasi teras dijangka kekal dalam julat yang diunjurkan sebelum ini dan berkemungkinan tidak melebihi tiga peratus.

"Walaupun bagaimanapun, prospek inflasi terus bergantung pada pelaksanaan langkah dasar dalam negeri yang selanjutnya.

"Risiko kenaikan inflasi akan bergantung pada tahap kesan limpahan langkah dasar dalam negeri terhadap subsidi dan kawalan harga kepada trend harga yang lebih luas, serta harga komoditi global dan perkembangan pasaran kewangan," katanya.

Dagangan global pulih

Pada peringkat antarabangsa, BNM berkata, ekonomi global terus berkembang berikutan keadaan pasaran pekerja yang berdaya tahan dan pemulihan perdagangan global berterusan.

Pada masa hadapan, ia berkata, pertumbuhan global dijangka berterusan disebabkan oleh keadaan pasaran pekerja yang positif, inflasi yang terus menurun dan dasar monetari yang kurang ketat.

"Perdagangan global dijangka terus pulih dengan sokongan produk E&E serta produk bukan E&E. Prospek pertumbuhan terus bergantung pada risiko pertumbuhan menjadi perlahan, disebabkan terutama oleh ketegangan geopolitik yang semakin meruncing, ketidakpastian dalam pasaran kewangan global dan momentum pertumbuhan yang lebih perlahan di negara ekonomi utama," katanya.

Sementara itu, bank pusat berkata, pemulihan nilai ringgit ba-

ru-baru ini didorong oleh perubahan jangkaan berhubung dengan kadar faedah dasar yang lebih rendah di ekonomi utama, khususnya di Amerika Syarikat (AS) serta prestasi ekonomi Malaysia yang kukuh.

Pada masa hadapan, ia berkata, prospek ekonomi Malaysia yang positif, pembaharuan struktur dalam negeri serta inisiatif yang sedia ada untuk menggalakkan aliran akan terus memberikan sokongan yang berterusan kepada ringgit.

"Pada tahap OPR semasa, pendirian dasar monetari terus menyokong ekonomi dan adalah konsisten dengan penilaian semasa berhubung dengan prospek inflasi dan pertumbuhan.

"MPC terus memantau perkembangan semasa bagi memaklumkan penilaian trajektori inflasi dan trajektori pertumbuhan dalam negeri menuju 2025.

"MPC akan memastikan pendirian dasar monetari kekal kondusif untuk pertumbuhan ekonomi yang mampan dalam keadaan harga yang stabil," katanya.



BERITA HARIAN
Tarikh.....0.6 SEP. 2024.....

HENTIKAN GANGGUAN SEKSUAL

6/9 BH



DEFINISI



Apa-apa kelakuan tidak diingini yang bersifat seksual, dalam apa-apa bentuk, sama ada secara lisan, bukan lisan, visual, isyarat atau fizikal, yang ditujukan kepada seseorang yang secara munasabahnyanya menyinggung atau menghina atau merupakan suatu ancaman kepada kesejahteraannya.

FIZIKAL

Segala bentuk perbuatan fizikal seperti sentuhan atau jarak yang rapat.



ISYARAT

Sebarang bentuk bunyian, kenyitan mata atau menjelir lidah.



VISUAL


Menghantar mesej atau imej berunsur seksual.



JENIS GANGGUAN SEKSUAL


LISAN

Segala pertuturan berunsur seksual seperti jenaka, komen dan hinaan.



PSIKOLOGI

Pandangan atau kerlingan yang membenkan bayangan niat atau keinginan berbentuk seksual.



#HarianMetroAmbilBerat #HarianMetroEmpati #HarianMetroPeduli #HarianMetroJanganTakut



BNM kekalkan OPR 3.0 peratus, kali kelapan berturut-turut

6/9 11/2024

Oleh ZAKKINA WATI
AHMAD TARMIZI
zakkina.tarmizi@mediamulla.com.my

PETALING JAYA: Bank Negara Malaysia (BNM) mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada 3.0 peratus pada mesyuarat kelima Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) semalam.


Keputusan mengekalkan kadar penanda aras bagi kadar pinjaman dan deposit itu adalah buat kali kelapan berturut-turut sejak Julai tahun lalu.

Bank pusat itu berkata, pada tahap OPR semasa, pendirian dasar monetari terus menyokong ekonomi dan adalah konsisten dengan penilaian semasa berhubung dengan prospek inflasi dan pertumbuhan.

"MPC terus memantau perkembangan semasa bagi memaklumkan penilaian trajektori inflasi dan trajektori pertumbuhan dalam negeri menuju 2025.

"MPC akan memastikan pendirian dasar monetari kekal kondusif untuk pertumbuhan ekonomi yang mampan dalam keadaan harga yang stabil," katanya dalam kenyataan.

Menurut BNM, ekonomi global terus berkembang berikutan keadaan pasaran pekerja yang berdaya tahan dan pemulihan perdagangan global yang berterusan.



"Pada masa hadapan, pertumbuhan global dijangka berterusan disebabkan keadaan pasaran pekerja yang positif, inflasi terus menurun dan dasar monetari yang kurang ketat.

"Perdagangan global dijangka terus pulih dengan sokongan produk elektrik dan elektronik (E&E) serta produk bukan E&E.

"Prospek pertumbuhan terus bergantung pada risiko pertumbuhan menjadi perlahan, disebabkan terutamanya oleh ketegangan geopolitik yang semakin meruncing, volatiliti dalam pasaran kewangan global dan momentum pertumbuhan yang lebih perlahan di ekonomi-ekonomi utama," katanya.

BNM berkata, ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 5.1 peratus pada separuh pertama 2024, dan penunjuk terkini mencatatkan kegiatan ekonomi yang terus kukuh, didorong oleh perbelanjaan dalam negeri yang berdaya tahan dan aktiviti eksport yang lebih giat.

"Pada masa hadapan, eksport

dijangka terus disokong oleh peningkatan kitaran teknologi global berikutan kedudukan Malaysia dalam rantaian bekalan semikonduktor serta eksport barangan bukan E&E yang terus kukuh.

"Perbelanjaan pelancong dijangka terus meningkat. Pertumbuhan guna tenaga dan upah beserta langkah-langkah dasar masih terus menyokong perbelanjaan isi rumah.

"Pengembangan mantap aktiviti pelaburan akan berterusan disebabkan oleh projek berbilang tahun dalam sektor swasta dan awam, pelaksanaan inisiatif pemangkin di bawah beberapa pelan induk nasional serta lebih banyak pelaksanaan pelaburan yang telah diluluskan," katanya.

Mengulas mengenai inflasi, BNM berkata, inflasi keseluruhan dan inflasi teras berpurata pada 1.8 peratus pada separuh pertama 2024.

Jelasnya, limpahan daripada pelarasan harga diesel kepada harga secara amnya terkawal berikutan keberkesanan langkah-langkah pengurangan dan penguatkuasaan untuk meminimumkan kesan kos kepada perniagaan.

"Bagi seluruh 2024, purata inflasi keseluruhan dan inflasi teras dijangka kekal dalam julat yang diunjurkan sebelum ini dan berkemungkinan tidak melebihi tiga peratus.

UTUSAN MALAYSIA

Tarikh: ...0.6..SEP...2024.....



PENGLIBATAN dewan perniagaan akan memperkukuh kerjasama dalam memastikan Pelan Transformasi Bumiputera 2035 (Putera35) dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan menyeluruh.

Ekonomi bumiputera perlu melibatkan dewan-dewan perniagaan

6/9
utusan

SAUDARA PENGARANG,

DEWAN Perdagangan Islam Malaysia (DPIM) mengalu-alukan pelancaran Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera 2035 (Putera35), sebuah inisiatif yang menunjukkan komitmen jangka panjang untuk memperkukuh ekonomi bumiputera dan menjadikan Malaysia sebagai peneraju ekonomi di rantau Asia.

Putera35 dibangunkan dengan tiga matlamat utama:

- Membangunkan bumiputera yang dinamik dan futuristik. Ini akan meningkatkan kapasiti dan daya saing bumiputera dalam menghadapi cabaran ekonomi global.
- Menetapkan sasaran jelas untuk pengukuran penyertaan dan penguasaan ekonomi bumiputera. Ini bagi memastikan kemajuan dan pencapaian dalam penyertaan ekonomi bumiputera boleh diukur dan dinilai dengan jelas.

- Membangunkan mekanisme pemantauan berkesa. Hal ini dapat menyediakan sistem yang berkesan untuk memantau dan menilai pelaksanaan serta kejayaan pelan ini.

DPIM menyambut baik visi Putera35 berfokus untuk mengangkat darjat dan martabat bumiputera melalui penyertaan, pemilikan dan penguasaan ekonomi yang lebih bermakna. Pelan ini berteraskan tiga teras utama:

- Memperkukuh pasak ekonomi negara. Ini akan meningkatkan asas ekonomi negara melalui penglibatan aktif bumiputera dalam sektor-sektor strategik.

- Memperteguh kerukunan tatakelola dan

institusi. Ini bagi memastikan integriti dan kecekapan dalam institusi yang menyokong ekonomi bumiputera.

- Menegakkan keadilan sosial. Ini bagi memastikan pelaksanaan dasar yang adil dan inklusif bagi seluruh rakyat Malaysia.

Putera35 merangkumi 12 pemacu dan 132 ikhtiar, yang memberikan panduan kepada agenda pemeraksanaan bumiputera sehingga 2035, termasuk peluang dalam sektor berimpak tinggi seperti teknologi dan inovasi. Pelan ini bukan sahaja memberikan manfaat kepada bumiputera tetapi juga menyumbang kepada kesejahteraan seluruh rakyat Malaysia, sejajar dengan aspirasi Ekonomi Madani dan Agenda Pembangunan Lestari 2030.

DPIM menyeru penglibatan aktif semua dewan perniagaan dalam pelaksanaan Putera35 kerana ahli-ahli dewan perniagaan mempunyai kepakaran dan pengalaman mendalam dalam industri yang relevan. Kepakaran ini penting untuk program pembangunan usahawan yang lebih efektif dan strategik sejajar dengan matlamat dan visi Putera35.

Penglibatan dewan perniagaan akan memperkukuh kerjasama dan memastikan inisiatif ini dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan menyeluruh. DPIM yakin dan percaya bahawa dengan sokongan dan kerjasama semua pihak, Malaysia dapat mencapai matlamat Putera35 dan memperkasakan ekonomi usahawan bumiputera untuk masa depan yang lebih cemerlang dan makmur.

DATUK MOHAMMAD SAHAR MAT DIN
Presiden Dewan Perdagangan Islam Malaysia

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: ...10-6-SEP-2024...



**MOGESH
SABATHY**

“**A** SAL hujan, banjir”, antara rungutan rata-rata rakyat Malaysia sejak kebelakangan ini.

Hari ini, frasa perubahan iklim menjadi lebih dekat dan bermakna secara peribadi malah mendesak akibat rentetan peristiwa cuaca ekstrem.

Baru-baru ini, sektor kewangan hijau mendapat perhatian dan ia mewakili cara untuk menyalurkan modal ke dalam projek-projek yang boleh membantu mengurangkan kerosakan alam sekitar serta membina daya tahan terhadap kesan iklim.

Malaysia mengambil tindakan proaktif dalam bidang ini, terutamanya dengan dokumen Perubahan Iklim dan Taksonomi Berasaskan Prinsip yang dikeluarkan Bank Negara Malaysia. Ia merupakan rangka kerja untuk institusi kewangan menilai kegiatan ekonomi dan kesannya terhadap iklim dan persekitaran. Ini adalah satu langkah penting ke arah ketelusan dan akauntabiliti yang lebih besar dalam sektor kewangan.

Walaupun pelaburan dan bon hijau semakin menarik perhatian pelabur institusi yang ingin menyelaraskan portfolio terhadap tanggungjawab alam sekitar tetapi pembangunan projek hijau bukanlah satu perkara yang mudah. Ia memerlukan pemahaman mendalam tentang impak alam sekitar dan keselamatan serta pelaburan awal yang besar dalam penyelidikan, perancangan mahupun pelaksanaan.

Projek-projek ini sering melibatkan teknologi canggih, proses pensijilan yang ketat dan pematuhan kepada piawaian antarabangsa selain memerlukan kepakaran khusus. Selain itu, kos awal yang tinggi untuk projek-projek ini boleh menjadi penghalang bagi pemaju. Mereka mungkin memilih alternatif lebih murah dan kurang mampan.

Cabaran ini dirumitkan lagi dengan fakta bahawa kewangan hijau masih merupakan konsep yang agak baharu di banyak pasaran, termasuk Malaysia. Institusi kewangan dan pemaju projek mungkin kurang pengalaman atau insentif untuk melaksanakannya. Tanpa rangkaian projek yang layak, pasaran bon hijau boleh terhenti, menggagalkan matlamat keselamatan yang diharapkan.

Untuk menjambatani jurang

Dilema hijau: Malaysia boleh, tapi mahukah?

6/9 *utusan*



CABARAN sebenar untuk memastikan manfaat ekonomi hijau dikongsi oleh semua, terutama mereka yang paling terdedah kepada kesan iklim. - UTUSAN/SYAKIR RADIN

ini, dasar yang merangsang kemasakan hijau perlu diwujudkan. Ini bermakna merangka insentif kewangan yang bukan sahaja menarik tetapi juga praktikal dan boleh diakses oleh pemaju.

Kerajaan boleh melaksanakan pelbagai alat fiskal yang boleh mengubah ekonomi ke arah keselamatan. Sebagai contoh, memperkenalkan insentif cukai untuk syarikat yang melabur dalam teknologi hijau boleh menjadikan inovasi ini lebih kompetitif dari segi ekonomi selain menggalakkan penerimaan yang meluas.

Ia boleh menjadi alat yang berkesan untuk mengurangkan pencemaran, menjadikannya lebih mahal untuk syarikat terlibat dalam aktiviti yang merosakkan alam sekitar. Hasil cukai ini boleh digunakan untuk membiayai projek-projek mitigasi iklim, meningkatkan peralihan kepada sumber tenaga yang lebih bersih dan meningkatkan kesihatan awam melalui kualiti udara yang lebih baik.

Walaupun pelaksanaan cukai karbon mempunyai cabaran tersendiri, termasuk kesannya terhadap isi rumah berpendapatan rendah dan keperluan untuk mekanisme penguatkuasaan yang berkesan, ia mewakili pendekatan proaktif untuk mencapai sasaran neutral karbon Malaysia menjelang 2050 dan meningkatkan daya

saingnya dalam pasaran global untuk amalan mampan.

Golongan muda semakin sedar akan krisis iklim dan mendesak agar institusi kewangan memberi keutamaan kepada planet daripada keuntungan jangka pendek. Ini amat penting memandangkan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang merangkumi lebih daripada 90 peratus daripada keseluruhan penubuhan perniagaan di negara ini pada 2023, dengan lebih ramai golongan muda terlibat dalam perusahaannya.

Komuniti terpinggir yang tinggal di kawasan mudah banjir, menderita paling banyak semasa gelombang haba dan tidak mampu untuk menyesuaikan diri dengan keadaan yang berubah. Bagi mereka, perubahan iklim adalah perjuangan harian. Alat seperti bon impak sosial boleh disesuaikan untuk memberi manfaat kepada komuniti ini dengan memastikan kewangan hijau sampai kepada mereka yang paling memerlukan.

Dalam peralihan kepada ekonomi yang lebih hijau, prinsip adil sangat penting untuk memastikan tiada sesiapa yang ketinggalan. Ini termasuk melabur dalam program latihan semula untuk pekerja dalam industri intensif karbon, menyokong PKS dalam mengamalkan amalan mampan dan mewujudkan pekerjaan baharu dalam

ekonomi hijau.

Pergerakan Persekitaran, Sosial, dan Tadbir Urus (ESG) semakin mendapat momentum apabila Malaysia mula mengikuti jejak langkah ini. Institusi kewangan semakin memasukkan kriteria ini dalam strategi pelaburan ekoran menyedari syarikat dengan amalan ESG yang kukuh membawa manfaat jangka masa panjang.

ESG perlu dilihat sebagai pemacu inovasi dan penciptaan nilai. Ini termasuk menerima model perniagaan baharu yang memberi keutamaan kepada keselamatan, melabur dalam teknologi canggih untuk mengurangkan kesan alam sekitar dan membangunkan produk serta perkhidmatan yang menangani cabaran unik akibat perubahan iklim.

Sebagai contoh, menggunakan analitik data canggih dan kecerdasan buatan (AI) dalam pelaporan ESG boleh meningkatkan ketelusan dan membantu pelabur membuat keputusan yang lebih bermaklumat.

Dalam masa sama, kerajaan perlu mencipta persekitaran pengawalseliaan yang menggalakkan, bukan hanya mewajibkan penerimaan ESG. Ini termasuk memperkenalkan pendedahan ESG mandatori, menawarkan insentif kepada pelopor awal dan membangunkan metrik piawai yang memastikan konsistensi

dan kebolehbandingan di seluruh sektor.

Kerjasama awam-swasta juga perlu diperkukuhkan dan ia bermula dengan ketelusan. Mekanisme pemantauan dan pelaporan yang ketat perlu ada untuk menjejaki impak inisiatif kewangan hijau dan memastikan ia memenuhi janjinya.

Di samping semua ini, penting untuk kita melangkaui permainan salah menyalah. Terlalu kerap, beban untuk menangani isu alam sekitar diletakkan sepenuhnya di bahu pengguna individu kerana tanggungjawab ini sebenarnya di bawah industri dan perniagaan. Entiti-entiti ini bertanggungjawab terhadap pelepasan, pencemaran dan sisa dalam skala yang jauh lebih besar.

Namun, mereka sering terlepas daripada pengawasan, sementara pengguna merasa bersalah atas pilihan mereka. Ketidakeimbangan ini bukan sahaja tidak adil tetapi juga tidak produktif.

ACAH-ACAH HIJAU

Tambahan pula, acah hijau (*greenwashing*) semakin menjadi kebiasaan, dengan syarikat-syarikat dalam pelbagai sektor, baik di peringkat global mahupun di Malaysia, membuat tuntutan yang mengelirukan tentang usaha alam sekitar mereka. Walaupun kesedaran tentang isu ini semakin meningkat, namun terdapat kekurangan peraturan yang jelas untuk menanganinya.

Tanpa peraturan yang ketat dan akauntabiliti, industri akan terus melakukan amalan ini, meremehkan usaha sebenar untuk menangani perubahan iklim.

Struktur pembiayaan semasa juga perlu diperiksa semula untuk memastikan pembiayaan yang adil tersedia di seluruh sektor dan wilayah bagi membolehkan setiap pihak berkepentingan menyumbang secara efektif kepada peralihan hijau.

Oleh itu, cabaran sebenar adalah pada kesediaan kita untuk menghadapi kebenaran yang tidak selesa. Pemain industri bertanggungjawab dan perlu memastikan manfaat ekonomi hijau dikongsi oleh semua, terutama mereka yang paling terdedah kepada kesan iklim. Taruhannya tinggi dan jalan ke hadapan menuntut pilihan yang berani kerana akan menentukan bukan sahaja tempat kita di bumi ini, tetapi juga warisan yang ditinggalkan untuk generasi akan datang.

PENULIS ialah aktivis belia alam sekitar, Ahli Panel Konsultasi Perubahan Iklim, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) dan Pelajar Ijazah Kedoktoran (PhD), Universiti Putra Malaysia (UPM).

UTUSAN MALAYSIA

Tarikh: ... 06 SEP 2024 ...

Dasar, SOP lapuk buka ruang salah guna kuasa, rasuah - KSN

6/9
MUSA

PETALING JAYA: Semua Ketua Setiausaha Kementerian dan Setiausaha Kerajaan Negeri serta ketua jabatan diingatkan meneliti semula dasar, peraturan dan prosedur operasi standard (SOP) yang lapuk.

Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Shamsul Azri Abu Bakar berkata, dasar, peraturan dan SOP lapuk berpotensi untuk membuka ruang dan peluang kepada salah guna kuasa, penyelewengan dan rasuah.

"Dasar, peraturan dan SOP perlu ditambah baik selaras dengan prinsip tatakelola baik iaitu ketelusan, akauntabiliti, kecekapan dan keberkesanan," katanya dalam kenyataan selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola Nasional bilangan 2/2024 di Putrajaya hari ini.

Kelmarin, kerajaan melaksanakan reformasi besar-besaran apabila mengumumkan rombakan dan pelantikan baharu bagi

12 jawatan pengurusan tertinggi perkhidmatan awam.

Ia membabitkan sembilan Ketua Setiausaha, seorang timbalan Ketua Setiausaha Kanan dan dua Ketua Pengarah yang berkuat kuasa semalam dan 23 September ini.

Dua hari lalu, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu Ketua Setiausaha Negara supaya segera melakukan langkah-langkah reformasi dalam pentadbiran awam antaranya menubuhkan Sekretariat Kajian Rasionalisasi Badan Berkanun Persekutuan dalam menangani isu pertindihan fungsi dan dan penjimatan dana negara.

Dalam mesyuarat itu yang dihadiri semua Ketua Perkhidmatan awam termasuk Ketua Setiausaha Kementerian dan Peguam Negara, Shamsul Azri juga memberi perhatian serius berhubung isu tatakelola, salah guna kuasa termasuk kes-kes tatertib yang melibatkan rasuah dan pecah amanah.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: ... 06 SEP 2024..

Hapuskan 'Napoleon Kecil' di jabatan kerajaan lancar pentadbiran

G19
Utusan

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**
juani.bakar@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Kerajaan perlu menangani 'Napoleon Kecil' yang masih wujud dengan merangka sistem tatakelola bagi mengekang sekumpulan kecil penjawat awam yang menunjukkan kuasa dengan sengaja melambatkan penyampaian.

Malah kelompok itu membarah dalam perkhidmatan dengan menguasai jabatan dan berlagak seperti terlampau berkuasa sehingga melebihi pegawai atasan.

Bekas Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Seri Mohd. Shafiq Abdullah berkata, membasmi Napoleon Kecil antara reformasi perlu dilakukan kerajaan selain merombak pengurusan tertinggi memandangkan terdapat segelintir penjawat awam memanipulasi keadaan demi kepentingan peribadi sehingga mencemarkan integriti perkhidmatan awam.

Katanya, terdapat keadaan di mana pegawai atasan tidak berani mengambil tindakan terhadap kakitangan masing-masing kerana kedudukan kelompok

Napoleon Kecil lebih berkuasa dalam sesebuah jabatan dan agensi kerajaan.

"Ini menyebabkan sekumpulan kecil kakitangan awam khususnya bertugas di kaunter tidak menjalankan tugas sepenuhnya dan menjejaskan penyampaian kepada rakyat.

"Akhirnya masyarakat umum memandang serong kepada integriti kerajaan, sedangkan urusan itu boleh diselesaikan dengan mudah dan cepat," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Kelmarin, kerajaan melaksanakan reformasi besar-besaran apabila mengumumkan rombakan dan pelantikan baharu bagi 12 jawatan pengurusan tertinggi perkhidmatan awam.

Ia memabitkan sembilan Ketua Setiausaha, seorang timbalan Ketua Setiausaha Kanan dan dua Ketua Pengarah yang berkuat kuasa semalam dan 23 September ini.

Dua hari lalu, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mahukan Ketua Setiausaha Negara supaya segera melakukan langkah-langkah reformasi dalam pentadbiran awam antaranya menubuhkan Sekretariat Kajian Rasionalisasi Badan



Ini menyebabkan sekumpulan kecil kakitangan awam khususnya bertugas di kaunter tidak menjalankan tugas sepenuhnya dan menjejaskan penyampaian kepada rakyat."

Berkanun Persekutuan dalam menangani isu pertindihan fungsi dan dan penjimatan dana negara.

Mengulas lanjut, Mohd. Shafiq berkata, kerajaan perlu merangka satu sistem tatakelola yang menggariskan penyaluran proses aduan salah laku penjawat awam di samping kaedah penyampaian urusan kerja di barisan hadapan khususnya di kaunter jabatan.

"Kita selama ini hanya dite-

rangkan objektif penyampaian kerajaan iaitu kualiti dan berhemah, namun tidak diterangkan tentang kaedah dan bagaimana kaedah tersebut. Ia hanya secara umum, namun tidak diperincikan cara sebenar.

"Banyak negara lain contohnya di Singapura, mereka mempunyai proses pengaduan kelakuan penjawat awam dan bukannya di media sosial. Berbanding Malaysia, keluar di media sosial dahulu sekali gus mencetuskan pelbagai tohmahan umum," katanya.

Mohd. Shafiq berkata, reformasi besar-besaran 12 jawatan pengurusan tertinggi perkhidmatan awam tidak wajar dilihat sebagai pertukaran biasa sebaliknya memberi nafas baharu kepada pegawai atasan untuk melakukan pembaharuan terhadap Kementerian dan jabatan masing-masing.

Katanya, malah perkara itu seharusnya menjadi nilai tambah kepada Sistem Saranan Perkhidmatan Awam (SSPA) untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan awam, bukannya sebagai hukuman kerana pertukaran antara Kementerian lain.

"Pengaliran pegawai atasan

ini sepatutnya dibuat dalam tempoh tiga tahun di mana seseorang Ketua Setiausaha Kementerian perlu berdepan pertukaran ke Kementerian untuk melihat semula aspek perubahan sesebuah entiti yang bakal diterajuinya," katanya.

Dalam pada itu, Presiden Pemerhati Rasuah Malaysia (MCW), Jais Abdul Karim, rombak perkhidmatan awam dengan fokus untuk menghapuskan budaya penyalahgunaan kuasa, pengaruh tidak sihat dan pembentukan kelompok berkepentingan, berpotensi mengubah persepsi kewujudan Napoleon Kecil dan 'kartel' dalam perkhidmatan awam.

Namun katanya, perubahan struktural semata-mata tidak mencukupi malah juga reformasi dari segi penguatkuasaan undang-undang, pemantauan yang lebih ketat dan penerapan nilai integriti secara menyeluruh di setiap peringkat perkhidmatan awam.

"Selain itu, penglibatan masyarakat dalam menilai prestasi perkhidmatan awam dapat membantu mewujudkan persekitaran yang lebih telus dan terbuka," katanya.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: ...06 SEP 2024...

UPHOLDING INTEGRITY

MYCC: 14 BID-RIGGING CARTELS BEING PROBED

They involve govt tenders worth RM2.37b, cover 561 companies in various industries

SHAHROL SHAHABUDIN
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my



Malaysia Competition Commission (MYCC) chief executive officer Iskandar Ismail speaking at a press conference at MYCC headquarters
PIC BY AMIRUDIN SAHIB

THE Malaysia Competition Commission (MyCC) is investigating the alleged involvement of 14 bid-rigging cartels in government tenders worth RM2.37 billion.

The cartels encompass 561 companies across various industries, including construction, transportation, and pharmaceuticals.

This comes after MyCC announced that it fined seven companies over RM446,000 for bid-rigging linked to Defence Ministry contracts worth RM20 mil-

lion.

The offence contravenes Section 4 of the Competition Act.

MyCC chief executive officer Iskandar Ismail said the agency was assessing complaints about 463 other companies for alleged bid-rigging involving tenders worth RM9.27 billion.

Speaking at a press conference,

Iskandar said bid-rigging cartels had long undermined the integrity of public procurement and that MyCC was determined to eradicate such practices.

"We are firm that integrity must be upheld throughout government procurement processes," he said, adding that cartels could not be tolerated.

NEW STRAITS TIMES

Tarikh: 06 SEP 2024

Local councils in 3 states yet to form integrity units

PUTRAJAYA: All local councils in three states under Perikatan Nasional's administration have yet to establish integrity units.

Housing and Local Government Minister Nga Kor Ming said the states were Kedah, Perlis and Kelantan.

He said this was revealed by Malaysian Anti-Corruption Commission Chief Commissioner Tan Sri Azam Baki during the latter's recent visit to the ministry.

Nga and Azam had discussed matters pertaining to anti-graft action plans and strategies.

"In line with the aspirations of Malaysia Madani, I have instructed all local governments that have not implemented this directive from the Public Service Department to immediately establish their own integrity units," Nga said.

He said integrity units were crucial to ensuring the commitment of all 156 local councils in the Madani government's effort to combat corruption.

Nga said the findings about the absence of integrity units in the three states were shared with him following a study the commission recently conducted.

In response to the findings, Nga commended Selangor and Penang for setting good examples in implementing the PSD circular to establish integrity units in both states.

"We will continue to monitor and ensure that these integrity units function effectively to uphold the principles of integrity in line with the Madani government's principles that emphasise good governance," he said.

Nga said he invited MACC to his

office to discuss action plans and strategies to prevent corruption in line with the aspirations of Malaysia Madani, which upholds the principle of integrity.

He said the discussion was held at his office with Azam as well as MACC deputy chief commissioner (prevention) Datuk Seri Nor Azlan Mohd Razali, Housing and Local Government secretary-general Datuk M. Noor Azman Taib, and Local Government Department director-general Datuk Mohd Fazli Kenari.

In an immediate response, the Kelantan government said that while the Pas-led state did not have an integrity unit, it had appointed integrity officers at the local council level.

State Local Government, Housing, Health and Environment Committee chairman Hilmi Abdullah said these officers also functioned as the secretariat of the Anti-Corruption Committee.

"The integrity officers also act as investigation officers of the department or agency, and are liaison officers between the department and the Integrity and Governance Division of the State Secretary's Office.

"The annual pledge against corruption with the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) is held with all state government staff and officials, including the local governments," he said, adding that the matter was under the Kelantan State Secretary's Office.

Hilmi urged Nga to reveal the list of integrity units set up in the 156 local governments nationwide.



Nga Kor Ming

WHAT MAKES GOOD LEADERS?

619
NSP

LEADERSHIP is not something that people are born with; instead, it is a skill you can learn.

At the core are mindsets, which are expressed through observable behaviours, which then lead to measurable outcomes.

For any sustainable growth in an organisation, leadership is pivotal with a set of behaviours used to help people align their collective direction, execute strategic plans, and be continually on the path of recalibration.

Effective leaders know that what works in one situation will not necessarily work every time. Leadership strategies must reflect each organisation's context and stage of evolution.

The real question is: What makes a good leader who can put something like this together?

Being able to lead a group of people, building a foundational structure to sustain growth, working with diverse groups of people and connecting everyone and everything in a shared direction requires skills.

In many ways, through dedication, insightful decision-making, being open to possibilities and, sometimes, through decades of effort, leaders provide jobs for employees to sustain



**SHANKAR
R. SANTHIRAM**

their families.

Good leaders nurture the people around them, and become a shining example to emulate.

Often, in an organisation that is helmed by an inspirational and engaging leader, you will find a unit of capable people around them. And, many of them would have been groomed internally, rather than being parachuted in to do jobs.

What Do Good Leaders Focus On?

I have noticed that strong and accomplished leaders focus on definable things. They are pretty single-minded and this can be awe inspiring.

If you want to be a good leader,

you must concentrate on growth concepts.

Having a continual expansive mind that seeks out opportunities for progress is necessary. For this, you'll need to forge good connections and establish solid networks in your field, and also across your community.

You will need to be inspirational with your people and be ready to share knowledge and ideas. And at the same time, you also have to focus on creating a common vision and direction with your team.

This requires you to be conscious of other people's goals, needs, challenges and concerns.

What Are The Qualities of Good Leaders?

The most significant quality they possess is that they do not have leadership self-deception.

Durable leaders are clear about their strengths and flaws. This requires self-knowledge and an acute ability to be critical of yourself.

You will have to learn to come to terms with who you are, be comfortable in your own skin, and deal with your own emotions; but doing so while being driven by a moral, ethical, and growth-centric compass.

Leaders who do this will be motivated by ideas and the pursuit of excellence, and will have no time to wallow in the mundane.

You must be able to be compassionate while forging ahead, you cannot suffer fools while embracing people, and you need to recognise virtuous people even while leading disparate individuals.

What Are Bad Leaders?

Bad leaders are consumed by thoughts of hatred and negative emotions, and behave defensively while having bigoted tendencies. This will eventually lead to a host of unresolved personal issues and will result in regular clashes of opinion with others.

Bad leaders suppress, oppress, and compel people.

What Are Good Leaders?

It is always empowering when you have a good leader, boss, or captain in any endeavour. They use their charisma positively. They give the staff energy and enable them to become the best version of themselves.

Good leaders celebrate your victories while offering you protection, guidance and inspiration in your defeats. An honourable

boss will see their own role in your failure, and be magnanimous enough to share the blame.

But when a problem is solely your own doing, they will work at lifting you.

Leadership, in the final analysis, is always about being inspirational and making a positive difference in constructive ways.

Functional and insightful leaders will have great lucidity and the attention to draw inspiration from others. This awareness naturally leads them to eventually becoming role models.

Through their thoughts and actions, they invite others to shine with no coercion. They realise that adults are self-directed, and change will only come when it is experiential, self-reflective, and born out of self-awareness.

Real leaders work on changing mindsets and not just the behaviour of their team, by instituting rules and enforcing them. Real leaders help you want to do the right thing.

So, are you a good leader?

The writer is managing consultant and executive leadership coach at EQTD Consulting. He is also the author of the national bestseller 'So, You Want To Get Promoted?'

NEW STRAITS TIMES
Tarikh: 06 SEP 2024.....



Chief Secretary to the Government Datuk Seri Shamsul Azri Abu Bakar (centre) chairing a National Governance Committee meeting in Putrajaya yesterday. PIC TAKEN FROM SHAMSUL AZRI'S FACEBOOK PAGE

CHIEF SECRETARY'S DIRECTIVE

'REVIEW OUTDATED POLICIES, REGULATIONS'

They could lead to power abuse, graft and malpractice, says Shamsul Azri

MOHD ISKANDAR IBRAHIM
AND MOHAMAD AL AS
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

ALL secretaries-general, state secretaries and department heads have been directed to review policies, regulations and standard operating procedures (SOP) at their ministries, state governments and departments.

Chief Secretary to the Government Datuk Seri Shamsul Azri Abu Bakar said this was to determine if any were outdated.

He said outdated policies, regulations and SOP could potentially lead to abuse of power and allow opportunities for malpractice and graft.

"I give serious attention to issues of governance, and abuse of power, including disciplinary cases involving corruption and breach of trust.

"Therefore, I have advised and reminded all secretaries-general, state secretaries and department heads to review old and outdated policies, regulations and SOP at

their ministries, state governments and departments," he said on Facebook.

"Policies, regulations and SOPs need to be improved according to the principle of good governance, which is about transparency, accountability, competency and effectiveness.

"Besides that, it was also raised that there are cases in the Malaysian Anti-Corruption Commission's (MACC) report that have been pending for six to 10 years and remain unresolved at the ministry and agency levels.

"I have requested that this matter be given serious attention as it could affect the integrity screening and career path of an officer.

"Integrity is doing the right thing even when no one is watching."

Shamsul Azri said he had earlier yesterday chaired the second meeting of the National Governance Committee for this year.

Those who attended the meeting were Public Service Department director-general Datuk Seri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz, Attorney-General Datuk Ahmad Terrirudin Mohd Salleh, MACC chief commissioner Tan Sri Azam Baki and the majority of the secretaries-general of ministries, as well as representatives of state secretaries.

Meanwhile, the Malaysian Administrative and Diplomatic Service Association has lauded the

reshuffle of secretaries-general across several ministries.

Its honorary secretary, Muhammad 'Arif Ya'kub, said this was a key part of the government's strategy to reform the civil service.

He said the changes were essential for enhancing civil service leadership and effectively implementing government policies.

On Wednesday, Shamsul Azri had announced a significant reshuffle affecting several ministries, aimed at boosting efficiency and effectiveness in the public sector.

Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim, on Sept 2, said Shamsul Azri would work closely with his team and civil servants to improve government performance and meet the expectations of both the civil service and the public.

"This reshuffle is a crucial element of the public service reform agenda spearheaded by Shamsul Azri.

"It aims to enhance collaboration among civil service members to support the Madani government's economic recovery goals," Arif said in a press statement.

He urged all members and administrative and diplomatic officers to remain focused, uphold professionalism, and maintain integrity in their roles.

6/9 Not

Employees feel more productive in hybrid work setting



SINCE the Covid-19 pandemic, companies have been urged to embrace hybrid working, i.e. to offer their employees a combination of in-person and remote working. But some are reluctant to do so, fearing that working from home could hinder productivity. And yet, workers feel that they're much more efficient when they're not in the office every day.

The figures speak for themselves: 84 per cent of employees say they feel they get more work done in a hybrid/remote setting than in-office/onsite, according to a recent Zoom* global survey.

Even more 18-24 year-olds are convinced of the benefits of hybrid working on their productivity (93 per cent), as are 25-34 year-olds (88 per cent).

Older workers feel similarly, however, with 80 per cent of working people above 55 believing that they are more productive when they adopt a hybrid work organisation.

But this intergenerational enthusiasm for hybrid working is not set in stone.

Indeed, 58 per cent of those surveyed believe that their preferences in terms of work organisation will



Employees all over the world are keen to work remotely.

PICTURE CREDIT: ETX DAILY UP

evolve over time.

Many think they will want to work from home more when they have children, so they don't have to commute to work, or when they are approaching retirement age.

At present, however, employees

around the world are still very keen on remote work.

A significant number of them would not consider working in a job that did not offer them a certain degree of organisational freedom.

In fact, 36 per cent of those sur-

veyed would look for an employer who gave them the opportunity to work from wherever they wished, if they were to change jobs.

Is this a sign that the office is destined to disappear in the years to come?

Not necessarily. A quarter of working people would be prepared to join a company that required them to work in the office, if they were to change jobs.

This is because the office is not just a workspace but it's also a place where people socialise. Interaction with colleagues and to a lesser extent with managers, remains the main reason why employees like to come to their company's premises.

However, it would be wrong to say that in-person meetings systematically foster communication within a company.

Employees who work exclusively in the office don't feel any more connected to their colleagues, superiors and, more generally, to any member of their company than those who occasionally work remotely.

"[Hybrid workers feel the most connected in almost every way. Remote work isn't the instigator of isolation that some make it out to be," notes the Zoom report.

*The "Navigating the Future of Work: Global Perspectives on Hybrid Models and Technology" survey was carried out by Reworked, on behalf of Zoom, between April and May among 1,870 employees and 624 employers worldwide.

NEW STRAITS TIMES

Tarikh:06...SEP...2024...

Challenging to maintain workplace safety: Expert

6/9
sun

► Many accident cases involve foreign workers who do not use safety equipment or adhere to guidelines due to lack of awareness

■ BY QIRANA NABILLA
MOHD RASHIDI
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: Despite amendments to the Occupational Safety and Health (OSH) Act 1994, including the introduction of the workplace safety coordinator requirement, challenges persist in maintaining consistent safety standards across all sectors.

Alliance For A Safe Community chairman Tan Sri Lee Lam Thye said fostering a safety culture in the workplace is crucial and should be seen as a core element of organisation values and daily practices.

"Employers play a crucial role in shaping the culture of their organisations and this includes fostering a safe workplace. For a safety culture to be effectively developed and sustained, key decision-makers within the organisation need to embrace and practise safety."

On Monday, the Social Security Organisation reported 41,278 work related accidents between January and June.

Human Resources Minister Steven Sim said 52% or 21,508 cases were industrial accidents.

Lee said the construction and manufacturing sectors have seen the highest number of workplace accidents in recent years, with a significant issue being the attitudes of foreign workers, who make up the majority of the workforce.

"Many of these workers have minimal knowledge about safety and health. Although they are provided with personal protective equipment, such as safety helmets, shoes and harnesses, they often choose not to use them since they come from countries where there is little exposure to such equipment."

He said it is crucial for contractors employing these workers to ensure SOP and safety procedures are followed at the work site.

He also said in the manufacturing sector, particularly within small and medium enterprises (SME), the main challenges revolve around the need for improved safety standards.

"The understanding and implementation of safety standards in SME are often insufficient, primarily because ensuring safety at the workplace requires significant investment, which many SME are reluctant to make."

"Since SME contribute to more

than 85% of the country's economic growth, ensuring the safety and health of employees in these workplaces is critical."

Malaysian Employers Federation (MEF) president Datuk Syed Hussain Syed Husman said according to the Statistics Department National Accident Report for 2022, the most common types of industrial accidents were those involving stepping on, striking against or being struck by objects, including falling objects, which accounted for 8,522 cases.

He said 7,944 cases were falls involving individuals, 5,199 were other types of accidents, 4,750 were overexertion or strenuous movements and 4,197 were workers being caught in or between objects.

"Employers should self-regulate the law and implement best practices, developing a generative safety culture."

"Management at all levels must lead by example, ensure OSH resources are available and maintain regular communication with regulatory bodies."

He said MEF advocates that employers comply with the OSH Act 1994, including establishing an OSH policy, appointing a safety and health officer, conducting continuous hazard monitoring through risk assessments and controls, and fostering a safety and health culture.

"Employees must take responsibility for their own safety and adhere to safety guidelines. While the government and employers can implement security measures, it is the employees who are the primary users of these measures."

"It is a collective effort to save lives and losing one is a significant loss to the country, employers and families."

THE SUN

Tarikh: 06 SEP 2024